

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

50 TAHUN SEKATARAKYAT




1974 - 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan, dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, oleh mana-mana individu, jabatan atau organisasi tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).

Alamat : Tingkat 2A, Menara 2,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,
50470 Kuala Lumpur.
Telefon : 03-22733314 / 3315 / 3609
Faks : 03-22741314
Emel : sekata@sekatarakyat.com.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
e ISBN 978-629-99924-0-0



Cetakan di Malaysia



ISI KANDUNGAN



1	PERUTUSAN	4
2	CARTA ORGANISASI	5
3	INFOGRAFIK	6
4	KELUARGA SEKATARAKYAT	9
5	BINGKISAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH	10
6	TITIPAN MEMORI TANDA INGATAN	33
7	PENGENALAN 50 TAHUN SEKATARAKYAT	41
8	SEJARAH & PERKEMBANGAN SEKATARAKYAT	43
9	PROGRAM KHAS SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS	85
10	AKTIVITI TAHUNAN SEKATARAKYAT	100
11	ASET & PROJEK PELABURAN HARTANAH SEKATARAKYAT	110
12	TRANSFORMASI SEKATARAKYAT	126
13	PENCAPAIAN SEKATARAKYAT	132
14	KELEBIHAN MENJADI ANGGOTA SEKATARAKYAT	142
15	50 ANGGOTA TERPILIH SEKATARAKYAT	146

Lirik Lagu Jubli Emas Sekatarakyat

Tanggal dua puluh tiga
Bulan September
Dua puluh dua puluh empat
Jubli Emas Disambut
Sekatarakyat disanjung
Berganding bahu berusaha penuh jitu

Sekatarakyat di jiwa
Demi ihsan sesama manusia
Kebajikan dibela kesejahteraan dirasa
Jujur berbakti dan usaha sentiasa

Mari kita melangkah dan terus mara
Menyambut ulang tahun Jubli Emas
Jubli Emas

Dua puluh tiga September
Jubli Emas disambut
Sekatarakyat maju dan terus maju
Jubli Emas disambut bersama
Sekatarakyat



Perutusan

Datuk Mohamed Arsal bin Sehan
Pengerusi



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran, dipersembahkan 50 tahun Sekatarakyat ini bagi memperingati ulang tahun ke-50 Sekatarakyat.

Lima dekad yang lalu, Sekatarakyat ditubuhkan dengan cita-cita murni untuk memperkasa ekonomi anggotanya. Sejak itu, dilihat pertumbuhan dan kemajuan yang luar biasa, hasil daripada dedikasi, kerja keras, komitmen seluruh anggota dan para pemimpinnya.

Buku ini adalah penghargaan kepada setiap individu yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan gemilang ini. Dari penubuhannya yang penuh dengan cabaran hingga mencapai kejayaan hari ini, Sekatarakyat telah menjadi simbol perlindungan dan kemakmuran bagi anggotanya.

Melalui buku ini, diharap ia dapat mengabadikan kenangan manis, pengorbanan dan usaha gigih yang telah menyumbang kepada kejayaan Sekatarakyat. Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi dan kebanggaan kepada semua anggota serta menjadi panduan untuk generasi akan datang dalam meneruskan legasi gemilang ini.

Selamat membaca dan terima kasih di atas sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan selama ini.



ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH



Pengerusi
Datuk Mohamed Arsal bin Sehan



Setiausaha Kehormat
Hasrul Liza binti Shah Rudin



Bendahari Kehormat
Dato' (Dr.) Mustafha bin Abd Razak



**Abdul Lidzam bin
Muhammad Alias**



**Mohd Salleh bin
Mahmood**



**Saliman bin
Zainal**



**Mohamad Sabri bin
Mohamed Nor**




**Mohd Khuzaini bin
Ab Ghani**



**Mohd Shaifuddin bin
Abdullah**

Era Perubahan Sekatarakyat 1974-2024



Perkembangan Aset Sekatarakyat



Perkembangan Ar-Rahnu X'Change Sekatarakyat



Keluarga Sekitarakyat





BINGKISAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi: Datuk Mohamed Arsad bin Sehan



“Kami, dalam pengurusan Sekatarakyat, berkomitmen untuk membangunkan strategi yang akan memastikan kelangsungan dan kestabilan koperasi kita. Kami telah dan akan terus merancang dan mengawal prestasi melalui pengurusan belanjawan yang ketat untuk melindungi dan memajukan Sekatarakyat.”



Dalam memperingati 50 tahun penubuhannya, kita mengingat kembali tujuan asalnya: memberikan manfaat yang berterusan kepada setiap anggota.

Dengan rendah hati, saya menyeru generasi muda untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ditawarkan oleh Sekatarakyat. Manfaatkan pembiayaan yang fleksibel dan simpanan yang memberikan pulangan menarik. Ini bukan sekadar tentang menyimpan wang, tetapi juga melindungi masa depan anda dengan takaful dan insurans yang menawarkan perlindungan berpatutan. Belajarlah dari pengalaman anggota senior dan jangan lepaskan peluang berharga ini.

Sebagai pemimpin anda, saya bukan hanya untuk memimpin, tetapi juga untuk mendengar dan memenuhi keperluan setiap anggota, memastikan Sekatarakyat terus menjadi tempat perlindungan dan kemakmuran bagi kita semua. Selamat menyambut Jubli Emas, Sekatarakyat!



No. Anggota: 530

Tarikh Keanggotaan: 26/5/1982

Setiausaha Kehormat Hasrul Liza binti Shah Rudin



“Selamat menyambut 50 tahun Jubli Emas Sekatarakyat.

Semoga Sekatarakyat terus maju. Harapan saya, Sekatarakyat akan menjadi simbol kekuatan dan kesatuan, serta menjadi inspirasi kepada semua koperasi di Malaysia.

Bersama-sama, kita akan mengukir kejayaan yang lebih gemilang untuk masa depan.”



Pada usia 23 tahun, beliau menyertai Sekatarakyat ketika mula berkhidmat di Bank Rakyat, didorong oleh senior dan pelbagai manfaat menjadi ahlinya.

Beliau dilantik sebagai perwakilan di Ibu Pejabat di Jalan Tangsi dan bermulalah perjalanan sebagai Anggota Lembaga Pengarah.

Kenangan terindahnya adalah melihat perkembangan Sekatarakyat yang makin gemilang.

Kini, beliau bertekad terus berjuang bersama Anggota Lembaga Pengarah untuk memastikan Sekatarakyat terus maju dan berjaya.



No. Anggota: 1291

Tarikh Keanggotaan: 10/8/1992

Bendahari Kehormat: Dato' (Dr.) Mustafha bin Abd Razak



“Saya berharap Sekata rakyat akan terus berkembang maju, agar kita dapat menawarkan lebih banyak kemudahan, faedah dan manfaat kepada anggota kita.

Saya yakin cara kita bekerja sekarang akan membawa Sekata rakyat ke tahap yang lebih tinggi dan maju. Sekata rakyat, kita pasti boleh! ”



Beliau mempunyai Ijazah Kehormat yang dianugerahkan oleh UNIRAZAK, telah memulakan kerjaya sebagai Akauntan di Cawangan Bank Rakyat Muar pada 1991, kemudian berpindah ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur pada 1995.

Beliau menjadi Anggota Lembaga Pengarah di Sekatarakyat pada 1998. Kenangan manisnya adalah bersatu hati membuat keputusan terbaik untuk koperasi. Di antara cadangan beliau, menggunakan Aplikasi Insan dan konsep tanpa kertas (paperless).

Beliau menekankan, "Don't demand for respect, try to earn respect," sambil menegaskan cintanya pada ketelusan, kesederhanaan hidup, dan saling menghormati.



No. Anggota: 2203

Tarikh Keanggotaan: 2/8/1995

Anggota Lembaga Pengarah Abdul Lidzam bin Muhammad Alias



“Jerih payah kepimpinan Sekata rakyat dalam menjalankan segala projek hartanah adalah untuk dimanfaatkan oleh anggota.

Saya berharap, anggota Sekata rakyat dapat dalam peluang yang kepada bersama-sama memajukan pembangunan bermanfaat koperasi.

Pencetus telah berlaku dan usaha ini perlu diteruskan. Mari kita berjuang bersama.”



Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Akaun sebelum diminta oleh Tuan Haji Salleh Taha untuk menyertai Sekata rakyat sebagai Anggota Lembaga Pengarah.

Beliau menggunakan kepakaran dan pengalaman dalam perakaunan untuk membantu koperasi, terutamanya dalam projek pertama pembelian harta tanah di Salak Tinggi.

Keperibadiannya yang peramah dan pemikiran kritis menjadikan beliau aset berharga, menyumbang kepada pertumbuhan pesat Sekata rakyat dalam industri harta tanah dan kewangan.



No. Anggota: 1138

Tarikh Keanggotaan: 23/7/1991

Anggota Lembaga Pengarah Mohd Salleh bin Mahmood



“ Saya berharap Sekata Rakyat terus kekal, relevan dan memberi pulangan lumayan kepada anggotanya.

Terima kasih kepada semua yang mencarum dan mempercayai Sekata Rakyat serta Anggota Lembaga Pengarah dalam memimpin.

Kegigihan dan usaha kita selama 50 tahun ini telah membawa kejayaan yang luar biasa. Terima kasih semua! ”



Beliau menyertai Sekatarakyat dengan tujuan utama membantu anggota mendapatkan pinjaman dan dividen.


Beliau percaya Sekatarakyat boleh membuktikan bahawa masyarakat Melayu mampu berjaya. Pada pandangannya, Sekatarakyat bukan sekadar sebuah koperasi, tetapi simbol kejayaan orang Melayu. Melalui dedikasi dan usaha bersama, Sekatarakyat telah mengubah kehidupan memperkukuh anggotanya, ekonomi dan bahawa pepatah mengatakan orang Melayu tidak boleh berjaya adalah salah.



No. Anggota: 2016

Tarikh Keanggotaan: 29/4/1995

Anggota Lembaga Pengarah Saliman bin Zainal



“*Tahniah Sekatarakyat kerana menyambut ulang tahun ke-50 pada bulan September ini.*

Terima kasih kepada semua anggota Sekatarakyat, terutama sekali Pengurusan dan Anggota Lembaga Pengarah, telah memajukan Sekatarakyat hingga hari ini.

Semoga Sekatarakyat terus maju jaya dalam memberi manfaat kepada anggota untuk 50 tahun yang akan datang. ”



Beliau mula berkhidmat sebagai seorang Anggota Lembaga Pengarah pada tahun 2000.

Walaupun terpaksa berehat kerana komitmen kerja, beliau kembali pada tahun 2017. Menjadi Anggota Lembaga Pengarah bukanlah tugas mudah, ia memerlukan komitmen masa dan tenaga yang besar. Kenangan manis beliau adalah ketika dapat mengumumkan kepada anggota dan kegembiraan **JUBI EMAS SEKATARAKYAT** anggota menerima dividen apabila memberangsangkan.

Walaupun berdepan cabaran, beliau menekankan pentingnya integriti dan pembelajaran berterusan. Dedikasinya memberikan inspirasi tentang pengorbanan dan komitmen untuk kebaikan bersama.



No. Anggota: 955

Tarikh Keanggotaan: 31/10/1989

Anggota Lembaga Pengarah Mohamad Sabri bin Mohamed Nor



“Tahniah kepada Sekata rakyat dan seluruh anggota serta pihak Pengurusan dalam sambutan Jubli Emas 2024 ini.

Semoga kejayaan dan kesinambungan ini diteruskan, memberikan pulangan baik kepada anggota dan memanfaatkan kemudahan kepada seluruh ummah di Malaysia.

Didoakan Sekata rakyat terus maju dan diberkati. ”



Beliau menjadi anggota Sekatakyat pada tahun 1986 untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan. Beliau kembali berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Pengarah, berkomitmen memimpin koperasi mencapai kestabilan ekonomi.

Dedikasinya yang memberi inspirasi, menunjukkan pentingnya integriti dan komitmen dalam membantu komuniti.

Kepercayaan beliau kepada Sekatakyat membuktikan bahawa koperasi ini adalah tempat yang tepat untuk pelaburan dan perkembangan ekonomi anggota.



No. Anggota: 753

Tarikh Keanggotaan: 25/5/1986

Anggota Lembaga Pengarah Mohd Khuzaini bin Ab Ghani



“ Sempena Jubli Emas ke-50,
saya berharap Sekatakyat
terus berkembang dan
meneroka lebih banyak
peluang perniagaan.

Insya-Allah, dengan berkat
doa semua serta sokongan
penuh Pengurusan dan
Anggota Lembaga Pengarah,
Sekatakyat akan mencapai
kejayaan yang lebih gemilang
pada masa akan datang.

Semoga Sekatakyat terus
berjaya dan diberkati. ”



Beliau menyertai Sekatarakyat dengan keyakinan terhadap potensinya untuk memperkasa ekonomi orang Melayu.

Selama berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Pengarah, beliau telah menyumbang idea-idea inovatif seperti digitalisasi, pengurangan penggunaan kertas dan pengenalan QR code.

Kendangan manisnya adalah melihat anggota bersatu hati dan saling menyokong. Harapannya adalah agar Sekatarakyat terus relevan dan maju, membantu setiap anggota mencapai kejayaan dan kestabilan ekonomi yang lebih baik.



No. Anggota: 1815

Tarikh Keanggotaan: 22/10/1994

Anggota Lembaga Pengarah Mohd Shaifuddin bin Abdullah



“ Tahniah kepada Sekata rakyat yang mencapai usia 50 tahun.

Terima kasih kepada Anggota Lembaga Pengarah dan semua anggota yang telah membina asas kukuh sehingga mencapai aset melebihi 1 bilion. Pencapaian ini membanggakan dan menunjukkan dedikasi semua pihak.

Semoga Sekata rakyat terus berjaya dan diberkati di masa hadapan. ”



Beliau menjadi Anggota Lembaga Pengarah untuk membantu dan memastikan Sekata rakyat terus berkembang dan membantu anggotanya. Dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman, beliau berusaha keras untuk memanfaatkan pengetahuan dan kepakarannya.

Kenangan manis beliau adalah ketika sesi *brainstorming* di Cameron Highlands, yang memfokuskan kepada kelestarian perniagaan dan menjaga kepentingan anggota.

Baginya, koperasi adalah tentang kerjasama dan membangun bersama, memastikan kebajikan anggota diutamakan dan meneruskan kejayaan koperasi untuk masa depan yang lebih cerah.



No. Anggota: 2013

Tarikh Keanggotaan: 29/4/1995

Pengurus Besar Ahmad Rozaman bin Mohd Yusoff



“ Dalam tempoh 50 tahun, Sekata Rakyat telah mencapai aset bernilai RM1.3 bilion dan pendapatan RM110 juta, dengan sasaran RM130 juta tahun ini.

Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih Anggota Lembaga Pengarah, anggota-anggota dan warga kerja yang berdedikasi.

Saya bangga menjadi sebahagian daripada Sekata Rakyat yang sentiasa berpandangan jauh. ”



Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pelbagai koperasi sebelum menyertai Sekatarakyat. Untuk memastikan Sekatarakyat kekal hebat, beliau telah melakukan banyak perubahan besar.

Beliau menjadikan perniagaan Ar-Rahnu lebih berdaya saing dan mengatasi saingan utama pada masa itu. Melalui kebijaksanaan dan strategi yang kukuh, beliau mewujudkan kerjasama erat dengan Bank Islam, menjadikannya rakan kongsi penting yang membantu matlamat kewangan Sekatarakyat.

Beliau juga berjaya membuat rundingan kerjasama dengan Bank Muamalat dan Bank Rakyat dalam mengukuhkan kedudukan kewangan Sekatarakyat dan memastikan pembiayaan berterusan untuk keperluan anggota. Usahanya dalam menggabungkan inovasi dan keberanian dalam keputusan kewangan telah mempengaruhi kestabilan dan pertumbuhan Sekatarakyat.



No. Anggota: 5487

Tarikh Keanggotaan: 29/3/2012

Pengurus Nor Elina binti Ab Ghani



“ Semoga Sekatakyat terus maju dan bestari dalam memperkasakan ekonomi anggotanya, membawa kesejahteraan dan kemakmuran untuk masa hadapan yang lebih gemilang dan menjadi koperasi terkemuka di Malaysia. ”



Beliau telah berkhidmat dengan Sekatarakyat selama 21 tahun, bermula sebagai Eksekutif Kredit Susulan Keanggotaan pada tahun 2002, ketika Sekatarakyat baru berkembang dengan 3,000 anggota.

Pada tahun 2008, Sekatarakyat melangkah lebih jauh dengan pembelian Wisma Sekatarakyat dan projek besar lain. Pada tahun 2010, aktiviti “treasure hunt” diperkenalkan bagi mengeratkan silaturahim dan memperkenalkan Sekatarakyat di kelangan koperasi.

Beliau dan pasukannya komited dalam memastikan Sekatarakyat terus maju dan berkembang dengan cemerlang.



No. Anggota: 3366

Tarikh Keanggotaan: 30/3/2002



Tahun Sekatarakyat

TITIPAN MEMORI
TANDA INGATAN

MANTAN PROTEM

Fatimah binti Mohd Seth


Beliau merupakan Anggota Lembaga Pengarah yang terawal di Sekata rakyat sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1974. Beliau berjaya melakukan kerja-kerja pengkeranian dengan kesukaran tanpa komputer dan melobi anggota untuk menyertai Sekata rakyat. Beliau memainkan peranan penting dalam penubuhan koperasi ini. Kenangan manisnya adalah sebagai satu-satunya wanita yang turut serta dalam barisan kepimpinan terawal dan Anggota Lembaga Pengarah pada 1974 - 1975 dan 1997 - 1998. Beliau yakin Sekata rakyat akan terus maju oleh pemimpin yang hebat seperti sekarang. Dedikasinya menjadi inspirasi kepada semua.



No. Anggota: 458

MANTAN PROTEM

Abd Razak bin Abd Rahman



Beliau seorang Anggota Lembaga Pengarah yang dihormati dan merupakan salah seorang pengasas di Sekatarakyat. Sebagai Juruaudit Dalaman di Sekatarakyat beliau menjalankan amanah ini dengan penuh dedikasi.

Kenangan manisnya dapat membantu kehidupan anggota dan memastikan mereka merasa dihargai. Walaupun menghadapi cabaran, beliau menekankan pentingnya integriti dan ketelusan.

Harapan beliau, Sekatarakyat terus memberi manfaat kepada anggota dalam saat susah dan senang, serta menjadi simbol kebersamaan tanpa jurang antara pengurusan dan anggota.



No. Anggota: 96

MANTAN PROTEM

Zainal Abidin bin Nordin

Pada tahun 1974 di awal penubuhan Sekatarakyat, beliau dilantik sebagai Anggota Lembaga Pengarah yang terawal dan diamanahkan jawatan sebagai setiausaha Sekatarakyat pada tahun 1983. Beliau memulakan kerjayanya di Bank Rakyat Cawangan Jalan Ipoh di bawah seliaan Haji Ahmad bin Talib dan Haji Omar bin Mohamed. Bagi mengembangkan lagi bidang perniagaan di Sekatarakyat dan juga membantu anggota, beliau mencadangkan penjualan barang elektrik seperti TV Panasonic, VCR Akai, dan Mixer Kenwood.

Kegigihannya mendapatkan pembekal besar seperti Hock Sin Leong, yang menawarkan harga rendah, membolehkan Sekatarakyat menjual barang elektrik kepada anggotanya dengan harga lebih murah daripada pasaran dan mengambil keuntungan 5%. Permintaan tinggi untuk pinjaman barang elektrik menyebabkan akaun pinjaman elektrik dipisahkan daripada pembiayaan peribadi. Bagi mengekalkan skim ini, komitmen bulanan anggota dinaikkan daripada RM5 kepada RM15.

No. Anggota: 6

MANTAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

Anoor Faridah binti Ngah



Dari 1994 - 2002, beliau merupakan Anggota Lembaga Pengarah Sekata rakyat berjawatan sebagai Setiausaha, beliau mengenang usaha dan kerja keras yang dilakukannya menguruskan minit mesyuarat ketika waktu rehat sebagai kenangan manisnya.

Pengalaman yang paling diingatinya apabila dapat duduk bersama-sama Pengerusi Bank Rakyat semasa Mesyuarat Agung Perwakilan. Beliau berharap Sekata rakyat akan terus berkembang, menjadi koperasi terbaik di Malaysia. "**Saya tidak akan keluar saham saya sampai bila-bila dan akan setia selamanya bersama Sekata rakyat.**" Katanya dengan penuh keyakinannya.

No. Anggota: 718



MANTAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

Asmadi Bin Hussain

Mengenangkan kenangan manisnya sebagai Anggota Lembaga Pengarah, beliau menghargai semangat kekeluargaan yang kukuh antara Anggota Lembaga Pengarah dan anggota. Beliau boleh memahami masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh kakitangan dan anggota apabila terlibat dalam aktiviti koperasi. Beliau menegaskan bahawa kesinambungan dan usaha berterusan adalah penting untuk memajukan Sekatarakyat. Beliau mencadangkan Sekatarakyat lebih proaktif menggunakan media sosial untuk menyampaikan maklumat kepada semua.



No. Anggota: 1062

MANTAN WARGA KERJA

Iskandar bin Mohd Yusoff



Sebelum berkhidmat di Sekatraryat, beliau bekerja di KOBENA dan MCIS dalam urusan insurans.

Semasa betugas sebagai Eksekutif Takaful di Sekatraryat, beliau menguruskan tuntutan Ex Gracia, melatih kakitangan Bank Rakyat di seluruh Malaysia berkaitan insurans, memperkuat hubungan antara penanggung insurans dengan Bank Rakyat bagi memastikan kepentingan ahli Sekatraryat selalu terjaga.

Perkhidmatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Unit di bahagian kafeteria Sekatraryat.



No. Anggota: 2696

MANTAN WARGA KERJA

Allahyarhamah Norhaizan binti Suliman

Beliau antara kakitangan terawal di Sekatarakyat, mengurus keanggotaan, bantuan pendidikan, perayaan dan pembiayaan anggota yang semuanya dilakukan secara manual dan pejabatnya hanya beroperasi di bawah tangga.

Pengalaman bersama dua penggerusi menguatkan kemampuannya. Sekatarakyat baginya adalah darah daging, organisasi terpenting dalam hidupnya. Perkhidmatan terakhir beliau, sebagai Kerani Susulan dan kenangan bersama Sekatarakyat tidak akan dilupakan.



No. Anggota: 2742

50 Tahun Sekatarakyat: 1974 - 2024

Meraikan ulang tahun ke-50 penubuhan Sekatarakyat merupakan satu pencapaian penting yang patut diberi pengiktirafan. Untuk memperingati sejarah ini, karya bermakna ini diwujudkan. Mengapa "50 Tahun Sekatarakyat: 1974 - 2024"? Buku ini bukan sahaja bertujuan untuk dibaca, tetapi juga untuk dinikmati sebagai karya seni yang menceritakan kisah Sekatarakyat dengan bahasa yang santai dan visual yang menarik.

Tahun 2024 menandakan ulang tahun ke-50 Sekatarakyat, satu perjalanan luar biasa penuh kelok dan liku, pencapaian dan kemegahan serta kenangan manis. Dari penubuhan koperasi ini pada tahun 1974, Sekatarakyat telah berkembang menjadi entiti yang memainkan peranan penting dalam memajukan ekonomi dan kesejahteraan anggotanya.

Untuk meraikan pencapaian emas ini, sebuah wadah sejarah diwujudkan bagi memperingati perjalanan lima dekad penubuhannya. Mencapai umur 50 tahun bukanlah sesuatu yang kita temui setiap hari. Ia adalah tahun keemasan yang patut diraikan. Oleh itu, buku ini bukan sekadar satu wadah dokumentasi sejarah, tetapi penghormatan dan pengiktirafan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa dan dedikasi mereka kepada kejayaan Sekatarakyat. Buku ini menyelami perjalanan dari awal penubuhan, cabaran yang dihadapi dan kemenangan yang dicapai.



Buku ini juga penuh dengan imej bersejarah, testimoni daripada anggota-anggota dan naratif yang menggambarkan dedikasi serta komitmen yang ditunjukkan oleh individu-individu hebat di sebalik kejayaan Sekatarakyat selama lima dekad ini.

Dalam buku ini, kita akan menemui catatan pencapaian kewangan yang memberangsangkan, termasuk keuntungan bersih pertamanya di tahun 1975 dan pemberian dividen pada awal penubuhan sehingga kini. Kejayaan ini menjadi asas kepada perkembangan pesat koperasi yang seterusnya. Buku ini juga akan mengimbas detik-detik penting seperti penukaran kepada pembiayaan berkonsepkan syariah pada awal tahun 2000, pelancaran projek hartanah dan perniagaan baharu, serta pembukaan Ar-Rahnu X'Change pada tahun 2009 yang telah menjadi penyumbang besar kepada pendapatan koperasi.

Buku "50 Tahun Sekatarakyat: 1974 - 2024" adalah bukti nyata bagaimana komitmen dan kerja keras setiap individu dalam koperasi telah membawa kepada kejayaan yang kita raikan hari ini. Ia adalah kisah tentang semangat perpaduan, kegigihan dan kesungguhan yang tidak pernah pudar. Setiap halaman menceritakan detik-detik indah dan cabaran yang dihadapi, menjadikan buku ini sebagai sumber inspirasi untuk generasi akan datang. Buku ini bukan sahaja menyimpan sejarah, tetapi juga memupuk semangat kebersamaan dan mengingatkan kita tentang pentingnya perpaduan dalam mencapai kejayaan bersama.





SEJARAH & PERKEMBANGAN SEKATARAKYAT

PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN SEKATARAKYAT

Pada tahun 1974, di bawah naungan Bank Rakyat, Sekatarakyat ditubuhkan hasil usaha bersama Haji Ismail bin Din, Haji Abd. Rashid bin Mohd. Yusoff dan Haji Ahmad bin Talib untuk membantu kakitangan Bank Rakyat dengan menyediakan kemudahan pembiayaan yang diperlukan. Pada 23 September 1974, Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, dikenali sebagai Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) telah ditubuhkan. Organisasi ini diasaskan oleh individu yang prihatin terhadap isu-isu sosial dan ekonomi yang melanda masyarakat Melayu umumnya dan kakitangan Bank Rakyat khasnya.

Operasi pertama Sekatarakyat bermula dengan hanya tiga orang kakitangannya yang bertempat di Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi. Pada 4 Mei 1974, Mesyuarat Agung pertama diadakan di Ibu Pejabat Bank Rakyat, Jalan Ipoh (Berita Bank Rakyat, Julai 1974).

Inilah detik permulaan yang menjadi asas kelahiran Sekatarakyat, menandakan perjuangan awal untuk membina masa depan yang cerah. Haji Ismail bin Din telah diamanahkan sebagai Pengurus pertama, disokong erat oleh Haji Abd. Rashid bin Mohd. Yusoff selaku Naib Pengurus dan Haji Ahmad bin Talib sebagai Setiausaha. Mereka bersama barisan Anggota Pengarah lain, tanpa kenal lelah, terus berjuang untuk memastikan Sekatarakyat berdiri teguh dan memberi manfaat kepada anggotanya.



Pejabat Sekatarakyat, Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi 1974

Rujukan Gambar:
<https://cilosos.my/in-1978-the-govt-took-over-bank-rakyat-now-some-of-its-shareholders-want-it-back/>

Keratan akhbar Berita Bank Rakyat pada Julai 1974 mencatatkan nama-nama penting dalam jawatankuasa pertama Sekatarakyat. Encik Ismail bin Din terpilih sebagai Pengurus, dengan Encik Abdul Rashid bin Mohd. Yusoff sebagai Naib Pengurus. Anggota pengarah lain termasuk Encik Omar bin Mohamed, Encik Aminuddin bin Haji Md. Diah, Encik Ayub bin Abd. Rani, Puan Fatimah binti Md. Seth, dan Encik Ahmad bin Talib. Encik Ayub bin Abd. Rani dilantik sebagai Bendahari, manakala Encik Ghazally bin Shahabuddin dan Encik Abdul Razak bin Abd. Rahman sebagai Juruaudit Dalam.

Sekatarakyat ditubuhkan untuk memberikan kemudahan pembiayaan kepada kakitangan Bank Rakyat. Walaupun pada awalnya bantuan terhad, ia tetap menjadi sumber kewangan kepada anggota. Kemudahan pembiayaan ini diberikan dengan potongan gaji minimum bagi meringankan beban anggotanya.

Sekatarakyat berjaya memperoleh keuntungan bersih RM216.70 pada tahun pertama operasinya. Walaupun kecil ini merupakan pencapaian penting dan harapan baik untuk kemajuan masa depan. Pada 31 Disember 1974, 230 kakitangan Bank Rakyat menjadi anggota, dengan modal saham sebanyak RM10,852.00. Sekatarakyat juga telah memperolehi overdraf RM40,000.00 dari Bank Rakyat. (Berita Bank Rakyat, Ogos/September 1975).

Pada tahun 1979, Sekatarakyat telah berjaya memberikan dividen pertama sebanyak 4% kepada anggotanya dengan memperolehi keuntungan sebanyak RM18,916.00.



Pejabat Sekatarakyat di Jalan Tangsi

Rujukan Gambar:

<https://cilosos.my/in-1978-the-govt-took-over-bank-rakyat-now-some-of-its-shareholders-want-it-back/>

“Sekatarakyat mempunyai modal yang dibenarkan sebanyak RM1juta.”

Pada 23 September 1974, kakitangan Bank Rakyat menubuhkan koperasi yang dinamakan sebagai Syarikat Kerjasama Bank Rakyat dan dikenali sebagai Sekatarakyat.

Maka 18 BERITA BANK RAKYAT Julai, 1974

KELUARGA KITA

Kakitangan Bank Rakyat Tubuhkan Syarikat Kerjasama SEKATA RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan Bank Rakyat telah membubarkan sebuah Syarikat Kerjasama yang dinamakan **SYARIKAT KERJASAMA BANK RAKYAT** atau ringkasnya **SEKATA RAKYAT**.

Perusiauan menyudutkan **SEKATA RAKYAT** itu telah diambil dalam menyuarat angung yang diselakui di Ibupejabat Bank Rakyat di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur pada 4 Mei yang lalu.

Program Bantuan Bank Rakyat, Encik Ismail Das telah dipilih untuk merasmikan Perasmian **SEKATA RAKYAT**, walaupun Nadiq Tenggara yang sah Encik Abd. Razid bin Mohd. Yusoff.

Lain-lain orang yang menghadiri Perasmian **SEKATA RAKYAT** adalah :

- Encik Omar bin Mohamed, Encik Azizuddin bin Haji Md. Diah, Encik Annuar bin Ahmad, Encik Asih bin Abd. Razif, Cik Farimah binti Md. Setti dan Encik Ahmad bin Talib.
- Rendahnya **SEKATA RAKYAT** ialah Encik Asih bin Abd. Razif, Junaidi Jaleesnya pada ialah Encik Othman bin Shariff dan Encik Abdul Razif bin Abd. Razif.

Encik Ahmad bin Talib juga merupakan Pengarah Cawangan Kuala Lumpur telah dilantik menjadi Ketua Setiausaha **SEKATA RAKYAT**.

Bank Rakyat Agent Talasco

Bank Rakyat telah ditubuhkan dengan Agent kerapai Talasco Insurance Syndicate Berhad, sebuah Syarikat Insuransas Bumiputra.

Talasco Insurance Berhad merupakan pendaftar awal **SEKATA RAKYAT** ini dengan modal yang diturunkan sebanyak RM10 juta. Modal tambahan berikutnya Syarikat itu adalah 23 juta di mana Bank Rakyat memberikan modal sebanyak RM 10 juta.

Dengan pertimbangan sebagai Agent Talasco Insurance, maka Bank Rakyat juga akan membolehkan seorang pemohon pinjaman berusahaya di kalangan ahli ahliannya.

Encik Abdul Hadi bin Haji Hussain telah dilantik menjadi pegawai berfungsi-jenis sebagai Pengurus **Talasco Insurance Berhad**.

Encik Ahmad Talib

BERITA BANK RAKYAT

Oleh Sharikat Kerjasama 14

Kuala Lumpur 2005/1.

Bil. Daftar _____ Bil. Jenis _____

NEGERRI TANAH MELAYU

Perakuan Pendaftaran

BAGI

SYARIKAT KERJASAMA TAKTIPATAN BANK RAKYAT

(SEKATA RAKYAT)

Saya, Encik Ahmad Talib,
Pendaftar Sharikat² Kerjasama, Negeri² Tanah Melayu dengan ini memperakui di-bawah sekshen 7 Ordinan Sharikat² Kerjasama, 1948, bahawa Sharikat SYARIKAT KERJASAMA TAKTIPATAN BANK RAKYAT

(SEKATA RAKYAT)

ada-lah di-daftarkan pada hari ini di-bawah Ordinan Sharikat² Kerjasama, 1948, dan bahawa sharikat ini ada-lah di-daftarkan dengan tanggungan _____.

Undang²-kecil sharikat tersebut ada-lah juga di-daftarkan pada hari ini.

Di-beri di-bawah tandatangan dan meteri saya pada 23 JULAI 1974 haribulan 1974, tahun sa-ribu sembilan ratus 1974.

(Encik Ahmad Talib)

Pendaftar Sharikat² Kerjasama Negeri² Tanah Melayu

Sijil perakuan pendaftaran

Sumber: Keratan akhbar Berita Bank Rakyat, Julai 1974

SEKATARAKYAT BUAT REKOD KOPERASI

Mula 10

BERITA BANK RAKYAT

Ogos/September, 1975

Keluarga Kita

SEKATARAKYAT BUAT REKOD KOPERASI



MAHAT DILANTIK JADI PENGURUS KESELAMATAN

LANGKAH memperkuatkan perkara keselamatan Bank Rakyat telah diambil untuk memberi jaminan dan ketepatan yang baik terhadap perniagaan. Baru-baru ini Encik Mahat bin Haji Ahmad, telah membezakai perkhidmatan Bank Rakyat sebagai Pengurus Keselamatan.

Beliau ialah bekas ASP Ketua Polis Lapanganbangsar Astarabangga, Subang.

RAMAI PEGAWAI BANK RAKYAT BERTUKAR

BEBERAPA pertukaran telah dilakukan baru-baru ini dalam usaha Bank Rakyat untuk melengkapkan lagi perlembiran dan perjalananya dan perjalanannya syarikat miliknya.

Diantara mereka yang terlibat ialah Encik Ismail Kamal yang telah dilantik menjadi Pengarah Urusan di United Manufacturers, sebuah syarikat milikan Bank Rakyat. Encik Ismail duak berkhidmat sebagai Pegawai Perjawatan dalam sebuah syarikat kenderaan tempelan di Kota Bharu.

Seorang pegawai kerja di Klang Padai Paip Hor, Kelantan, Encik A. Halimy Kadir telah bertukar ke United Manufacturers sebagai "Personnel Assistant".

Encik Ahmad Hamidi Shaari, yang pernah memangku jawatan Pengurus Cawangan Bank Rakyat di Melaka ketika pegawai cawangan tersebut, Encik Md. Ibrahim bercuti sahut, telah ditukarkan ke Cawangan Kota Bharu.

“Sekatarakyat mempunyai beberapa cadangan untuk dijalankan di masa hadapan. Antaranya untuk menjalankan perniagaan kantin di bangunan baru Ibu Pejabat di Jalan Tangsi, menjalankan perusahaan percetakan dan bekalan alat tulis dan mengeluarkan pinjaman-pinjaman sederhana bagi memperluaskan lagi perkhidmatan Sekatarakyat kepada anggotanya.” (Pengerusi Sekatarakyat, Haji Ismail bin Din, 1975).”

Sumber; Keratan surat khabar Berita Bank Rakyat Ogos/September 1975

PEMBIAYAAN DAN PERTUMBUHAN: 1980-1999

Pada tahun 1980, Sekatarakyat memulakan inisiatif baru dengan menjual barang elektrik kepada anggotanya. Encik Zainal Abidin bin Nordin, dengan visinya, berjaya mendapatkan barang elektrik berkualiti seperti televisyen Panasonic, VCR Akai, dan mixer Kenwood pada harga rendah dari pembekal besar di Kuala Lumpur. Barang-barang ini dijual kepada anggota dengan penambahan harga hanya 5%, menjadikannya lebih murah daripada pasaran.

Penjualan ini mendapat sambutan hangat, terutama semasa Piala Dunia, sehingga koperasi terpaksa memisahkan akaun antara pinjaman peribadi dan pembelian barang elektrik. Pada tahun 1997, Sekatarakyat menukar nama kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad, menunjukkan kemajuan dan kekuatan koperasi yang semakin berkembang.

Menjelang akhir 1999, Sekatarakyat mencapai kejayaan besar dengan peningkatan aset berjumlah RM20 juta yang menggambarkan kekuatan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan semangat kolektif anggota-anggotanya.



Panasonic

AKAI



KENWOOD

ERA BARU: 2001-2024

Pada tahun 2001, Sekatarakyat beralih daripada pembiayaan konvensional kepada pembiayaan syariah bagi memenuhi keperluan anggota Islam dan menarik lebih ramai anggota baru. Pada 2009, Sekatarakyat mula menceburi bidang hartanah dengan pembelian Rumah Kedai di Space U8 dan membuka cawangan ARX pertama di PJ Old Town, menawarkan pembiayaan melalui gadaian emas.

Antara tahun 2014 hingga 2023, Sekatarakyat menceburi pelbagai perniagaan baharu dan projek usaha sama seperti projek hartanah, perumahan dan perindustrian. Sekatarakyat juga melebarkan sayap dengan menambah cawangan ARX dan pelbagai bidang perniagaan yang lain yang melibatkan penyewaan, taska, makanan dan minuman, kedai serbaneka dan farmasi.



konvensional



**pembiayaan
syariah**

AR-RAHNU X'CHANGE DAN PERKEMBANGANNYA

Pembukaan ARX yang dimulakan oleh Sekatarakyat pada 2009, menjadi perintis dalam pembiayaan melalui gadaian emas dan memperkuat inovasi kewangan Islam. Selain manfaat kewangan, ia juga memberi impak sosial yang besar dengan menyediakan tunai segera kepada pelanggan. Kejayaan ini terbukti melalui pembukaan cawangan-cawangan seperti yang berikut:

Ar-Rahnu X'Change Jalan Othman

Ar-Rahnu X'Change Sungai Besi

Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh

Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat

Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara

Ar-Rahnu X'Change Seremban 2

Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning

Ar-Rahnu X'Change Dengkil

Ar-Rahnu X'Change Ampang Triangle

Ar-Rahnu X'Change Port Klang

Ar-Rahnu X'Change Pasar Borong

Ar-Rahnu X'Change Bandar Melawati

Ar-Rahnu X'Change Dataran Otomobil

Ar-Rahnu X'Change Mantin

Ar-Rahnu X'Change Sri Rampai

Ar-Rahnu X'Change Puncak Alam

Ar-Rahnu X'Change Sri Muda



PROJEK PELABURAN HARTANAH DAN PELABURAN USAHA SAMA

Pada 1992, Sekatarakyat membuat pembelian harta tanah pertama di Jitra, Kedah, menandakan langkah awal dalam sektor harta tanah. Kemudian, Sekatarakyat terus memperluas portfolio harta tanahnya dengan pembelian pelaburan harta tanah dan projek usaha sama seperti yang berikut:

Rumah Kedai Jitra, Jitra	Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya	Bangunan Melawati, KL	Rumah Kedai Space U8 Bukit Jelutong	Bangunan Pejabat Jalan Kg. Attap, KL	Banglo Sekata Vista, Salak Tinggi	Sekata Apartment, Ringlet	Taman Saujana Sekata, Dengkil
							
Pangsapuri Sekata Selangorku, Dengkil	Sekata Makmur, Ringlet	Blok Komersial Vivo @9 Seputeh	Taman Villa Bukit Negeri, Seremban	Taman Sekata Mawar, Mantin	Projek Perindustrian, Elmina Business Park, Sungai Buloh	Projek Perindustrian Pontian,	Taman Irma Sekata, Salak Tinggi
							

Projek-projek ini membuktikan pertumbuhan pesat Sekatarakyat dalam sektor harta tanah dan juga dapat memberikan manfaat kepada anggota-anggotanya.

KEBERHASILAN INSURANS / TAKAFUL


Selain kejayaan dalam projek hartanah, Sekatarakyat juga telah mencapai pencapaian yang baik dalam perniagaan insurans yang diperkenalkan pada tahun 1993. Pada tahun 2001, perniagaan insurans ini beralih konsep daripada konvensional kepada syariah yang dinamakan Takaful.

DIVIDEN

Sebelum ini kadar dividen tahunan Sekatarakyat hanya sekitar 4% - 10%, tetapi dengan perkembangan perniagaan takaful, dividen mencecah sehingga 20%. Sehingga kini kadar dividen kekal 12% hingga 15%.

HUBUNGAN DENGAN BANK PEMBIAYA: BANK RAKYAT, BANK ISLAM, BANK MUAMALAT DAN AFFIN ISLAMIK BANK.

Hubungan dengan bank pembiaya ini telah memberi impak besar dengan tawaran pembiayaan kepada Sekatarakyat. Kerjasama ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan kewangan koperasi, tetapi juga memastikan Sekatarakyat dapat memberikan pembiayaan kepada anggotanya, pembiayaan ARX kepada para pelanggannya dan pembelian pelaburan harta tanah. Hubungan erat ini terus kekal kukuh hingga kini, membuktikan keberkesanan strategi jangka panjang yang dibina.



1992 - Pembelian Aset Pertama Sekatarakyat Rumah Kedai Jitra



Pembelian Rumah Kedai Jitra, Kedah bernilai RM360 ribu.

Telah dijual pada 12/7/2021 bernilai RM700 ribu.

2009 - Rumah Kedai Space U8, Bukit Jelutong



Pembelian 3 unit rumah kedai 4 tingkat bernilai RM8.3 juta

Dibeli pada 6/4/2009.

2009 - Pembukaan Pertama Ar-Rahnu X'Change Jalan Othman, Petaling Jaya



Majlis perasmian pembukaan ARX Jalan Othman pada 18/5/2009.

Dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

2010 - Kafeteria Sekatarakyat Jalan Tangsi, KL



Menu Rakyat 1Malaysia

makanan berkualiti, harga berbaloi

Oleh HARYANI NGAH

haryani@bharian.com.my

SEJURUNG dengan aspirasi kerajaan untuk meringankan kos sara hidup rakyat, Koperasi Kaitangan Bank Rakyat (SEKATARAKYAT) mengambil inisiatif melancarkan Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) di kafeteria Ibu Pejabat Bank Rakyat di Jalan Tangsi, Kuala Lumpur, pada 3 Februari 2012.

Februari 2012.

MR1M di kafeteria ini menawarkan set menu sarapan pada harga RM1.80 dan set makan tengah hari RM4 bermula jam 7 pagi hingga 7 malam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata, harga set MR1M yang ditetapkan adalah RM2 bagi sarapan dan RM4 untuk makan tengah hari.

"Kafeteria SEKATARAKYAT menawarkan harga sarapan lebih rendah berbanding harga yang ditetapkan dan mengalu-alukan pengusaha lain melakukan usaha seperti itu."

"Dalam melaksanakan MR1M, dia perkara ditak beratkan iaitu mutu makaran yang terjamin dan harga yang ditawarkan adalah tidak melebihi had yang ditetapkan."

"Makanan yang dijalilkan merupakan program MR1M mempunyai mutu dan kualiti yang sama dan harganya menjadi lebih murah kerana paket yang ditetapkan ialah RM4 bagi makan tengah hari membekalkan pelanggan merasmi sajian rasa bersama pilihan ayam atau ikan, sambal dan segelas air."

"Banyak restoran dan kafeteria di syarikat, swasta, kementerian dan universiti selain menawarkan MR1M. Sehingga kini, lebih daripada 1,200 restoran telah menyediakan MR1M dan diharapkan jumlah ini meningkat menjadi 3,000 menjelang hujung tahun ini," katanya pada majlis pelancaran tersebut.

Turut hadir ialah Pengurus Bank Rakyat, Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin Syed Salim, Pengarah Urusannya, Datuk Kamarsuzman Che Mat dan Pengurus SEKATARAKYAT, Datuk Mohamed Arsal Selan.

Usaha memperkenalkan menu yang murah dan berhisabat itu mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat sekitar kawasan kantor-kantor Bank Negara Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Ibu Pejabat Polis Buletin Aman, Persatuan Arkitek Malaysia, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan serta Kelab Wartawan Kebangsaan.

Selain melancarkan MR1M, SEKATARAKYAT sunting menerima wakaf pelancongan Rakan Daging Kad CO-OP yang menggalakkan kedai serbaneka memasarkan produk 1Malaysia.

"Rakyat yang tidak jelas mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan mereka beranggapan kedai haru khas untuk produk 1Malaysia perlu dibuka tetapi sebenarnya premis seda seta juga boleh menjual produk ini seperti yang dilakukan SEKATARAKYAT."

"Saya ingin menerusi kepada peniaga rumit yang merasakan produk KR1M menyanggupi perniagaan mereka, bahawa mereka boleh membeli dan kemasukan menjual produk ini di kedai mereka. Saya juga menggalakkan koperasi untuk menjual produk KR1M. Bagaimanapun, sekiranya koperasi mempunyai produk sendiri dan harganya lebih rendah, ia adalah lebih baik."

Majlis pembukaan kafeteria Sekatarakyat pada 11/10/2010 dan Pelancaran Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) pada 3/2/2012.

Dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

2011 - Bangunan Pejabat Jalan Kampung Attap, KL



Pembelian bangunan pejabat di Jalan Kampung Attap bernilai RM1.27 juta.

Dibeli pada 22/7/2011.

2011 - Penamaan Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya



Majlis penamaan Wisma Sekatarakyat pada 21/9/2011.

Dirasmikan oleh Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2011 - Kedai Serbaneka Jalan Tangsi, KL

1 11.11 menjadi tarikh istimewa kepada Kedai Rakyat 1Malaysia SEKATARAKYAT. Lebih simbolik, kedai serbaneka yang terletak di Aras G, Ibu Pejabat Bank Rakyat Jalan Tangsi telah dirasmikan oleh Datuk Kamaruzaman Che Mat, Pengarah Urusan Bank Rakyat tepat jam 11.11 pagi.

Turut hadir salah Mustafha Abd Razak, Penolong Pengurus Besar Kewangan Setiausaha Bank Rakyat merangkap Bendahari Kehormat SEKATARAKYAT dan Hassul Liza Sharudin, Setiausaha Kehormat SEKATARAKYAT.

SEKATARAKYAT sebelumnya dikenali sebagai Syurikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat beroperasi sejak 23 September 1974.

Ia kemudiannya ditukar kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad bermula 30 Jun 1997.

Keanggotaannya terdiri daripada warga kerja Bank Rakyat, subsidiari Bank dan kakitangan koperasi itu sendiri. Malah, warga kerja yang sudah bersara masih boleh menjadi anggota.

Sehingga kini, SEKATARAKYAT mempunyai 3,637 anggota berdaftar, termasuk 136 daripadanya ialah anggota yang sudah bersara.

Apa yang jelas, kecemerlangan dan kejayaan SEKATARAKYAT adalah berkat sokongan pada pihak pengurusan Bank Rakyat, Kementerian Perdagangan



SEKATARAKYAT kini kendali kedai serbaneka

KAMARUZAMAN (lima dari kiri) bersama-sama wakil SEKATARAKYAT di majlis perasmian Kedai Rakyat 1Malaysia.

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Ini dibuktikan dengan penyerahan Sijil Penacaran Koperasi (4 bintang). Lebih membanggakan, SEKATARAKYAT turut berada pada kedudukan ke-28 daripada 100 koperasi terbaik di Malaysia pada 2010.

Selain bidang peruncitan, SEKATARAKYAT turut mencebur ke beberapa cabang perniagaan lain seperti harta tanah

dan perternakan burung Walit. Malah, pada tahun lalu koperasi terbabit diberi kepercayaan mengodalikan kerja penyelenggaraan sistem pendingin hawa secara berkala di cawangan-cawangan Bank Rakyat.

KAMARUZAMAN dan Mustafha melihat barang yang dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia.



Majlis perasmian Kedai Serbaneka Sekatarakyat pada 11/11/2011.

Dirasmikan oleh Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Kamaruzaman bin Che Mat.

2013 - Ar-Rahnu X'Change Sungai Besi, KL



Majlis perasmian pembukaan ARX Sungai Besi pada 1/7/2013.

Dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

2014 - Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh, Batu Caves



Majlis perasmian pembukaan ARX Taman Selaseh pada 7/7/2014.

Dirasmikan oleh Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

2014 - Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat, Hulu Langat



Majlis perasmian pembukaan ARX Hulu Langat pada 3/9/2014.

Dirasmikan oleh Pengurus Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2015 - Kafeteria Menara Kembar Bank Rakyat, KL



Permulaan operasi Kafeteria MKBR Sekatarakyat pada 21/6/2015

2015 - Kedai Serbaneka Menara Kembar Bank Rakyat, KL



Permulaan operasi Kedai Serbaneka MKBR Sekatarakyat pada 21/6/2015

2015 - Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara, Puchong



Majlis perasmian pembukaan ARX Bandar Kinrara pada 5/10/2015.

Dirasmikan oleh Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2016 - Taska Nuri, Menara Kembar Bank Rakyat, KL



Majlis perasmian pembukaan Taska Nuri, MKBR pada 18/2/2016.

Dirasmikan oleh Pengerusi Bank Rakyat, YB. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Haji Zainal (B)

2016 - Ar-Rahnu X'Change Seremban 2, Seremban



Majlis perasmian pembukaan ARX Seremban pada 25/7/2016.

Dirasmikan oleh Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2016 - Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning, Shah Alam



Majlis perasmian pembukaan ARX Kota Kemuning pada 4/10/2016.

Dirasmikan oleh Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2017 - Rumah Rehat Sekata Apartment, Ringlet, Cameron Highlands



Majlis perasmian pembukaan Rumah Rehat Sekata Apartment, Ringlet pada 4/11/2017.

Dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang,
YB. Dato' Sri Hj. Mohd Sharkar Bin Hj. Shamsudin.

2018 - Ar-Rahnu X'Change Dengkil, Dengkil



Majlis perasmian pembukaan ARX Dengkil pada 5/11/2018.

Dirasmikan oleh Pengurus Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsad bin Sehan.

2020 - Ar-Rahnu X'Change Ampang Triangle, Ampang



Pembukaan ARX Ampang Triangle & mula beroperasi pada 3/6/2020.

Tiada perasmian - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

2020 - Ar-Rahnu X'Change Port Klang, Klang



Pembukaan ARX Port Klang & mula beroperasi pada 3/6/2020.

Tiada perasmian - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

2020 - Ar-Rahnu X'Change Pasar Borong, Batu Caves



Pembukaan ARX Pasar Borong Selayang & mula beroperasi pada 5/6/2020.

Tiada perasmian - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

2021 - Ar-Rahnu X'Change Bandar Melawati, KL



Pembukaan ARX Bandar Melawati & mula beroperasi pada 10/5/2021.

Tiada perasmian - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

2021 - Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia, KL



Pembukaan Kafeteria SKM, KL & mula beroperasi pada 13/9/2021.

Tiada perasmian - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

2021 - Kafe D'SEKATA, Menara Kembar Bank Rakyat, KL



Pembukaan Kafe D'SEKATA, MKBR & mula beroperasi pada 27/12/2021.

2022 - Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands



Majlis perasmian pembukaan Sekata Makmur, Ringlet & mula beroperasi pada 1/12/2022.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

2022- Sekata Farmasi & Kenny Rogers Roasters, Ringlet, Cameron Highlands



Pembukaan Sekata Farmasi & Kenny Rogers Roasters, Ringlet mula beroperasi pada 2/2/2022 & 1/6/2022.

Majlis pembukaan diadakan pada 2/2/2022 & 1/6/2022

2023 - Ar-Rahnu X'Change Dataran Otomobil, Shah Alam



Pembukaan ARX Dataran Otomobil & mula beroperasi pada 1/2/2023.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

2024 - Ar-Rahnu X' Change Mantin, Mantin



Pembukaan ARX Mantin & mula beroperasi pada 28/3/2024.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

2024 - Ar-Rahnu X' Change Sri Rampai, Setapak



Pembukaan ARX Sri Rampai & mula beroperasi pada 29/3/2024.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

2024 - Ar-Rahnu X' Change Puncak Alam, Shah Alam



Pembukaan ARX Puncak Alam & mula beroperasi pada 29/3/2024.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.

2024 - Ar-Rahnu X' Change Sri Muda, Shah Alam



Pembukaan ARX Sri Muda & mula beroperasi pada 2/9/2024.

Majlis kesyukuran diadakan bersama Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.



PROGRAM KHAS
SEMPENA SAMBUTAN
JUBLI EMAS

Pembayaran Jubli Emas

SEKATARAKYAT

50 JUBLI EMAS

PEMBIAYAAN JUBLI EMAS

Tempoh Permohonan : 1 Disember 2021 - 31 Disember 2024

SYARAT PEMBIAYAAN :

- Had maksimum permohonan pembayaran RM50,000.00
- Kadar keuntungan pembayaran hanya 4.25% setahun
- Tempoh pembayaran sehingga 10 tahun
- Tidak memerlukan penjamin
- Wajib mengambil takaful pembayaran - Group Credit Term Takaful (GCTT)
- Bagi anggota bersara tertakluk kepada 80% daripada jumlah modal yuran.

TERHAD RM50JUTA SAHAJA!!!

Tertakluk kepada Terma & Syarat

HUBUNGI KAMI SEGERA :

- 03-22733314 / 03-22733315 03-22733609
- faiz@sekatarakyat.com.my
- haziq@sekatarakyat.com.my
- danial@sekatarakyat.com.my

Dari 1/12/21 - 31/12/24, kadar keuntungan diturunkan kepada 4.25% setahun untuk pembayaran hingga RM50,000.00 dan 3% setahun untuk pembayaran dari RM50,001.00 - RM100,000.00 (4/3 - 31/12/24). Pembayaran ini tanpa penjamin dan wajib disertai Takaful Pembayaran (GCTT), dengan had untuk anggota bersara tertakluk kepada 80% modal yuran.

PROGRAM KHAS JUBLI EMAS



SEKATARAKYAT

NIKMATI TAWARAN HEBAT

KHAS UNTUK ANGGOTA SEKATARAKYAT SAHAJA

KADAR TERENDAH DI KOPERASI !

3% SETAHUN

PEMBIAYAAN JUBLI EMAS

PEMOHONAN SEHINGGA RM100,000.00

SYARAT - SYARAT PEMBIAYAAN

- TEMPOH PEMBIAYAAN SEHINGGA 10 TAHUN
- WAJIB MENGAMBIL TAKAFUL PEMBIAYAAN {GROUP CREDIT TERM TAKAFUL (GCTT)}
- **ERTAKLUK PADA TERMA & SYARAT**

NOTA :-

BAGI ANGGOTA BERSARA TERTAKLUK KEPADA 80% DARIPADA JUMLAH MODAL YURAN

04 MAC 2024
SEHINGGA
31 DISEMBER 2024

HUBUNGI KAMI DI TALIAN
03-22733314 / 03-22733315 / 03-22735024

ATAU EMEL

faiz@sekatarakyat.com.my
izzati@sekatarakyat.com.my
amirah.jaafar@sekatarakyat.com.my
sekata@sekatarakyat.com.my

SCAN DISINI

Tawaran mulai 1 Disember 2021



Penulisan Esei: Kecemerlangan Sejarah Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat)



Lima dasawarsa dahulu, ketika Malaysia sedang rancak meneroka pelbagai peluang ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Kedua, dan ketika kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB), sebuah koperasi yang dinamakan Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad dan kini dikenali sebagai Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau ringkasnya Sekatarakyat, telah ditubuhkan. Mengambil kesempatan daripada peluang ekonomi DEB, pada tarikh keramat iaitu 23 September 1974, operasi pejabat koperasi ini bermula di bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi, digerakkan oleh hanya tiga kakitangan. Sungguhpun begitu, daripada sinilah permulaan terbinanya Sekatarakyat yang pada akhir lima dasawarsa menjadi sebuah koperasi yang sangat cemerlang dan berjaya di Malaysia.

Sejarah perjalanan 50 tahun Sekatarakyat agak panjang, operasi awalnya dimulakan dengan menawarkan pelbagai jenis pembiayaan khas untuk anggota-anggotanya yang terdiri daripada pesara dan kakitangan kumpulan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Setelah menghadapi pelbagai rintangan sebagai sebuah koperasi baru sepanjang lima tahun pertamanya, akhirnya kerja keras usaha ini membawa hasil pada tahun 1985 apabila mereka berjaya mendapatkan keuntungan sebanyak RM18,900 dan mampu memberikan dividen sebanyak empat peratus kepada anggotanya.

Pencapaian pada akhir 10 tahun pertamanya inilah yang menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih cemerlang pada dekad-dekad seterusnya. Pada tahun 1994, awal dekad ke tiga penubuhannya, Sekatarakyat berjaya mencapai keuntungan sebanyak RM 1 juta dan setiap anggotanya memperoleh dividen sebanyak 10 peratus. Lonjakkan kejayaan ini tidak berhenti di sini tetapi semakin meningkat sehingga hari ini dan menjadikannya sebagai salah sebuah koperasi yang merancakkan ekonomi domestik serta melayakkannya menerima pelbagai pengiktirafan bertaraf negara. Antaranya berjaya kekal dalam senarai kumpulan 20 tangga teratas 100 koperasi terbaik di Malaysia, berturut-turut sejak tahun sejak 2015 hingga 2019 dan meningkat naik ke tangga senarai kumpulan 10 ke atas sejak 2020 sehingga 2023.

Ketika memasuki dasawarsa ke-2 penubuhannya, Sekatarakyat terus berkembang memasuki bidang takaful dengan menjadi ejen takaful kepada syarikat-syarikat takaful dan mengendalikan takaful kepada pelanggan Bank Rakyat. Ketika ini juga semua pinjaman konvensional ditukarkan kepada pembiayaan berkonsepkan Syariah, dan bagi kelancaran tugas harian, Sekatarakyat mula menggunakan sistem komputer bersepadu.

Sekatarayat mula memperlihatkan kejayaan berganda apabila mengorak langkah menceburi bidang perniagaan baru. Sejak awal tahun 90-an sehingga tahun 2000, koperasi ini mula menjalankan perniagaan seperti pembersihan pejabat, penjualan air mineral, Skim Belian Plus dan penyewaan tapak mesin ATM.

Pada tahun 2009, Sekatarakyat menyertai perniagaan pajak gadai emas berlandaskan Syariah dengan mencebur perniagaan francais Ar-Rahnu X'Change dan kemudiannya berkembang menjadi 13 cawangan di sekitar Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan sehingga kini. Perniagaan ini juga telah menjadi penyumbang keuntungan terbesar pendapatan tahunan Sekatarakyat.

Berdasarkan matlamat Sekatarakyat iaitu "Meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi", Sekatarakyat melangkah masuk ke dasawarsa ke-4 apabila terlibat dengan perniagaan baru iaitu pembelian aset, harta tanah, pengurusan kedai serbaneka, kafeteria dan Taska Nuri. Pada awal tahun 2000, Sekatarayat berjaya membeli aset seperti bangunan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor untuk disewakan termasuklah bangunan pejabat Wisma Sekatarakyat di Kelana Jaya, Melawati Square di Bandar Melawati, Space U8 Bukit Jelutong, rumah kedai di Jalan Kg Attap dan bangunan Blok Komersial Vivo @ 9 Seputeh di Jalan Klang Lama. Pada tahun 2016 perniagaan ini telah berkembang pesat melalui beberapa projek usahasama seperti pembinaan banglo Sekata Vista dan perumahan teres dua tingkat, serta Pangaspuri Sekata Selangorku 47 unit di Dengkil Selangor. Usaha ini diteruskan sehingga tahun 2023 dengan tambahan pelaburan dalam beberapa projek perumahan dan perindustrian sekitar Selangor dan Negeri Sembilan.

Ketika mencapai dasawarsa ke-5 penubuhannya iaitu pada 16 Ogos 2017, Sekatarayat mula melebarkan sayapnya dengan pembelian Sekata Apartment, yang mempunyai 32 unit apartmen untuk disewakan kepada anggota koperasi dan orang awam di Ringlet, Cameron Highlands. Lima tahun selepas ini koperasi ini berjaya menambah aset di kawasan ini yang dinamakan Sekata Makmur, iaitu sebuah dewan serbaguna, tempat mesyuarat dan persidangan yang dilengkapi dengan kolam renang. Pada tahun yang sama, sebuah farmasi dan sebuah restoran Kenny Rogers Roasters milik Sekatarakyat dibuka di sekitar daerah ini.

Pemilikan aset-aset ini juga telah menjadikan jumlah aset Sekatarakyat meningkat menjadi RM1,076.7 billion berbanding RM652.7 juta pada tahun 2021. Pendapatan Sekatarakyat juga semakin bertambah apabila meraih pendapatan sebanyak RM79,324,349.00 pada akhir 2022. Pemberian dividen sejak tahun 2018 kepada anggotanya juga tidak pernah kurang daripada 10 peratus dan paling tinggi ialah 15 peratus pada tahun 2022.

Setelah 50 tahun melebarkan sayap dalam pelbagai sektor, Sekatarayat hari ini muncul dalam senarai 10 koperasi terbaik di Malaysia. Di belakang kejayaan ini jugalah berdiri kukuh barisan kepimpinan Anggota Lembaga Pengarahnya yang bermatlamat dan berinovasi, 146 warga kerja yang komited dan cekap di samping sokongan padu 6,147 anggotanya yang kini menjalankan operasinya dari Tingkat 2A, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33 Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur. Inilah kisah sebuah perjuangan sebuah badan komersial, yang berjaya melangkah pantas serta bijak menyesuaikan gerakan dengan keadaan ekonomi semasa. Kejayaannya adalah milik bersama, yang dikongsi dalam gigih serta mampu bergerak cergas lebih jauh ke hadapan bagi mencapai matlamatnya demi kemakmuran negara.

Penulis Asal: Puan Zaitun binti Abu Samah

Penyampaian Hadiah Pertandingan Penciptaan Logo & Penulisan Esei Jubli Emas



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Penciptaan Logo dan Penulisan Esei Sejarah Sekatasyarakat sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun Sekatasyarakat di Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Diadakan pada 4 November 2023

Majlis Penanaman 50 Batang Pokok Jubli Emas Sekatarakyat



Program Penanaman Pokok Sempena Sambutan Jubli Emas Sekatarakyat di Taman Botani, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Sekatarakyat sejajar dengan matlamat pembangunan mampan 2030 yang dicadangkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Diadakan pada 18 November 2023

Majlis Pelancaran Logo Jubli Emas Sekatarakyat



Majlis pelancaran logo sempena Jubli Emas Sekatarakyat diadakan di ruang legar D'Sekata Tingkat G, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat.

Diadakan pada 5 Februari 2024

Jualan Cenderamata Khas Jubli Emas Sekatarakyat



Jualan cenderamata khas Jubli Emas barang jualan seperti pen, mug, payung dan baju 50 Tahun Sektarakyat.

Jualan bermula Mac 2024

Program Infaq Ramadan Jubli Emas Sekatarakyat



Majlis Infaq Ramadan sempena Jubli Emas Sekatarakyat di surau@madrasah yang terhampir dengan premis perniagaan Sekatarakyat.

Diadakan pada 30 Mac - 8 April 2024

Pertandingan Teka Silang Kata Jubli Emas Sekatarakyat



Pertandingan Teka Silang Kata Sekatarakyat yang dijalankan setiap bulan sempena meraikan sambutan 50 Tahun sempena Jubli Emas Sekatarakyat.

Diadakan pada Mei-September 2024

Cabutan Hadiah Misteri Jubli Emas Sekatarakyat



Cabutan Bertuah Hadiah Misteri sempena Jubli Emas Sekatarakyat masih berlangsung dari 3 Mei 2024 - 30 September 2024.

Diadakan pada Mei - September 2024

Kempen Derma Darah Jubli Emas Sekatarakyat



Kempen Derma Darah Jubli Emas Sekatarakyat yang diadakan di ruang legar D'Sekata Tingkat G, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat yang bertemakan **1 Beg Darah Mampu Selamatkan 3 Nyawa.**

Diadakan pada 28 Mei 2024


Jubli Emas Run 2024 Powered By Sekatarakyat



Acara Jubli Emas Run Powered By Sekatarakyat telah diadakan di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diadakan pada 2 Jun 2024

Pertandingan Boling Jubli Emas Sekatarakyat



Pertandingan boling Jubli Emas telah diadakan di IOI City Mall, Putrajaya.

Diadakan pada 22 Jun 2024

Hidangan Istimewa Kari Kepala Ikan Jalan Tangsi



Majlis Hidangan Istimewa Kari Kepala Ikan secara percuma yang ditaja oleh Sekatarakyat di Tingkat 5, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat.

Diadakan pada 26 Jun 2024



AKTIVITI TAHUNAN SEKATARAKYAT

Sesi Percambahan Minda



Sesi Percambahan Minda yang diadakan di Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands.

Diadakan setiap tahun.

Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat



Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat yang diadakan di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat.

Diadakan Setiap Tahun

Majlis Perjumpaan Anggota Bersara



Majlis Perjumpaan Anggota Bersara bertempat di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat.

Diadakan Setiap Tahun

Program Zakat Kepada Asnaf Fisabilillah



Program Agihan Zakat Sekitarakyat dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada Asnaf Fisabilillah.

Diadakan Setiap Tahun

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya.

Diadakan setiap tahun

Acara Mencari Harta Karun (*Treasure Hunt*) Antara Koperasi



Acara Mencari Harta Karun (*Treasure Hunt*) Antara Koperasi yang dianjurkan setiap tahun.

Diadakan setiap tahun

Majlis Bacaan Yasin, Tahlil & Doa Selamat Bulanan



Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil merupakan aktiviti bulanan di Sekitarakyat diadakan di Surau Al Barakah, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat.

Diadakan setiap bulan

Majlis Anugerah Inovasi Warga Kerja



Majlis Anugerah Inovasi Warga Kerja Sekataraikat yang diadakan di Kafeteria Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), KL.

Diadakan setiap tahun

Majlis Makan Malam Sekatarakyat



Majlis Makan Malam Sekatarakyat yang dianjurkan pada setiap tahun.

Diadakan setiap tahun



ASET & PROJEK PELABURAN HARTANAH SEKATARAKYAT

Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya



Pembelian Wisma Sekatarakyat yang mempunyai 9 tingkat berserta dengan 321 petak tempat letak kenderaan berharga RM22.6juta.

Mula beroperasi pada 2009

Bangunan Pejabat Melawati Square, KL



Pembelian bangunan pejabat di Melawati Square dengan harga RM2.9juta pada tahun 2009.

Mula beroperasi pada 2009

Rumah Kedai Space U8, Bukit Jelutong



Pembelian 3 blok rumah kedai 4 tingkat di Space U8 yang terletak di Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam yang bernilai RM8.3juta pada 2012.

Mula beroperasi pada 6 April 2009

Bangunan Pejabat Jalan Kampung Attap, KL



Pembelian pejabat Sekatarakyat di Jalan Kampung Attap pada harga RM1.27juta.

Dimiliki pada 22 Julai 2011

Banglo Sekata Vista, Dengkil



Pembinaan 19 unit banglo di Bandar Baru Salak Tinggi dengan hasil usaha sama Syarikat Mainstay Development Sdn. Bhd. pada 2012.

Mula beroperasi pada 2012

Sekata Apartment, Ringlet, Cameron Highlands



Pembelian 32 unit rumah rehat yang terletak di Ringlet, Cameron Highlands yang bernilai RM8juta.

Mula beroperasi pada 16 Ogos 2017

Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands



Sekata Makmur terdiri daripada Ruang Mesyuarat Latihan Acara (METS) dan juga kolam renang yang bernilai RM13.8juta.

Mula beroperasi pada 1 Februari 2020

Blok Komersial Vivo @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama, KL



Pembelian 34 unit hub komersial yang terletak di Vivo @ 9 Seputeh yang bernilai RM165juta.

Dimiliki pada 30 September 2022

Taman Saujana Sekata, Dengkil



Taman Saujana Sekata mempunyai 107 unit rumah teres 2 tingkat.

Siap sepenuhnya pada 31 Disember 2020

Pangsapuri Sekata Selangorku, Dengkil



47 unit pangsapuri yang diberi nama Sekata Selangorku siap sepenuhnya pada November 2020. Majlis simbolik penyerahan kunci telah diadakan pada 4 Disember 2021.

Siap sepenuhnya pada 12 November 2020

Projek Perumahan Villa Bukit Negeri, Seremban



Pembinaan 76 unit vila di Bukit Negeri dengan hasil usaha sama Goodmode Equity Sdn. Bhd.

Dijangka siap pada tahun 2025

Projek Perumahan Taman Sekata Mawar, Mantin



Pembinaan 40 unit perumahan teres 2 tingkat di Mantin dengan hasil usaha sama PTT Synergy Group Berhad.

Dijangka siap pada tahun 2026

Projek Perindustrian Elmina, Shah Alam



Pembinaan pembangunan industri seluas 18 ekar di Shah Alam dengan hasil usaha sama PTT Synergy Group Berhad.

Dijangka siap pada tahun 2026

Projek Perindustrian Pontian, Pontian



Pembinaan pembangunan industri seluas 20.17 ekar di Pontian dengan hasil usaha sama PTT Synergy Group Berhad.

Dijangka siap pada tahun 2027

Projek Perumahan Taman Irma Sekata, Salak Tinggi



Pembinaan 39 unit perumahan teres 2 tingkat di Salak Tinggi dengan hasil usaha sama IRMA Worldwide Sdn. Bhd.

Dijangka siap pada tahun 2025



TRANSFORMASI SEKATARAKYAT

Dasar Koperasi Malaysia 2030 -DaKoM 2030



Pelaksanaan DaKoM 2030 akan direalisasikan melalui 4 teras dasar dan 20 strategi pemangkin Dasar koperasi Malaysia 2030 - DaKoM 2030.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 -Teras 1

Teras Dasar 1: Mentransformasikan Sokongan Koperasi ke Arah Pembangunan Ekosistem yang Lebih Holistik dan Kondusif

Projek:



Penyewaan Gudang berkonsepkan ASRS di Elmina Business Park



Projek Pembangunan Centralized Labour Quarters (CLQ) di Elmina Business Park

Keterangan:

Projek-projek ini menggunakan teknologi moden dan konsep AI untuk meningkatkan efisiensi dan menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk pekerja.

Kaitan dengan Teras:

Menyokong pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif dengan menggunakan teknologi canggih dan menyediakan kemudahan yang meningkatkan kualiti hidup pekerja.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 -Teras 2

Teras Dasar 2: Meningkatkan Kefahaman dan Penghayatan Prinsip Koperasi

Projek:



Projek Perumahan
Taman Sekata Mawar



Projek Perumahan
Taman Irma Sekata



Program Kesedaran
Alam Sekitar

Keterangan:

Projek perumahan ini menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik kepada anggota koperasi dan masyarakat. Program kesedaran alam sekitar pula meningkatkan kefahaman tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Kaitan dengan Teras:

Meningkatkan kefahaman tentang prinsip koperasi dengan menyediakan perumahan yang memberi manfaat kepada anggota dan masyarakat umum, menunjukkan nilai kerjasama dan kebersamaan. Program kesedaran alam sekitar pula mengukuhkan kefahaman tentang kepentingan kelestarian alam.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 -Teras 3

Teras Dasar 3: Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan Koperasi

Projek:



Projek Perindustrian Elmina



Projek Perindustrian Pontian



Projek Digitalisasi Perkhidmatan Anggota & Aplikasi Mudah Alih

Keterangan:

Projek-projek perindustrian ini memperkuatkan kedudukan sekatan rakyat dalam sektor perindustrian, meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi untuk berkembang. Projek Digitalisasi Perkhidmatan Anggota pula memperkenalkan platform digital yang memudahkan urusan anggota seperti permohonan pembiayaan, pembayaran ansuran, dan penyata akaun secara dalam talian. Aplikasi mudah alih memudahkan anggota mengakses perkhidmatan koperasi di mana-mana sahaja.

Kaitan dengan Teras:

Meningkatkan kapasiti koperasi dalam sektor perindustrian dan digital, memberi peluang kepada koperasi untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan keupayaan operasi, selaras dengan matlamat DAKOM 2030 untuk menggalakkan ekonomi digital.

Dasar Koperasi Malaysia 2030 -Teras 4

Teras Dasar 4: Memajukan Sektor Koperasi sebagai Wahana Pembangunan Sosioekonomi Utama


Projek:



Projek Pembangunan di Tanjak Bay,
Kuala Terengganu City Centre.



Penambahan Cawangan
ARX



Ekonomi Kitar Semula
dan Kelestarian

Keterangan:

Projek pembangunan komersial ini menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dengan menyediakan peluang perniagaan dan meningkatkan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Penambahan cawangan ARX di lokasi-lokasi B40 seperti Klang, Ampang, Cheras, Shah Alam, dan Gombak akan membantu golongan B40 dalam mendapatkan pembiayaan kewangan segera. Projek ekonomi kitar semula dan kelestarian pula mempromosikan amalan kitar semula dan kelestarian alam.

Kaitan dengan Teras:

Memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi utama dengan melibatkan diri dalam projek-projek komersial yang memberi impak positif kepada ekonomi tempatan dan membantu golongan B40 melalui cawangan ARX serta mempromosikan kelestarian alam sekitar.


Sekata rakyat akan terus memperkuuh kedudukan dan kewujudan mereka dalam dunia koperasi, selaras dengan matlamat DAKOM 2030.



Tahun Sekatarakyat

PENCAPAIAN SEKATARAKYAT

Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia



Kedudukan 1 - 20 | Ranking 1 - 20

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

NEGERI / STATE:
WILAYAH PERSEKUTUAN

KEANGGOTAAN
MEMBERSHIP:
5,838

SYER DAN YURAN
SHARE AND SUBSCRIPTIONS:
RM1,341,000

KUMPULAN WANG
ANGGOTA
SHAREHOLDER'S FUND:
RM39,176,000

JUMLAH ASET
TOTAL ASSET:
KOPERASI
CO-OPERATIVE
RM1,076,789,000

PENDAPATAN
INCOME:
KOPERASI
CO-OPERATIVE
RM79,324,000

KUMPULAN
GROUP

AKTIVITI UTAMA
MAIN ACTIVITY:
KREDIT
CREDIT

7

24 Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024
Top 100 Co - operatives In Malaysia 2024



2024



Sekatarakyat berada di kedudukan ke-7 dalam senarai 100 koperasi terbaik di Malaysia pada tahun 2024.

The Malaysia Book of Records



Sekatarakyat bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan menganjurkan Program Kembara 1922, bersempena dengan ulang tahun Ke-100 Gerakan Koperasi di Malaysia pada 3 Disember 2022.

Acara ini telah disenaraikan dalam The Malaysia Book of Records (MBOR) dalam kategori Most Co-op Centre Visits yang mana peserta perlu melengkapkan tugas mengikut ketetapan dengan membuat lawatan ke 1,922 koperasi iaitu simbolik dengan tahun bermulanya gerakan koperasi di Malaysia.



Program Kembara 1922 yang dianjurkan oleh Sekatarakyat bersama SKM telah menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records dalam Kategori Most Co-op Centre Visits.

Diiktiraf pada 3 Disember 2022

Pengumuman Dividen Akaun Deposit Koperasi-Kumpulan Wang Rizab Statutori 2023



Majlis di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur.

Kadar Dividen: 3.6%.

Jumlah Dividen Yang Diterima: RM227,692.55.

Jumlah Pelaburan ADK Sekatarakyat di CBP: RM6,324,793.20.

Diumumkan pada 29 Mei 2024

Penyerahan Insentif Penghargaan Kesetiaan Francaisi ARX 2024



Majlis telah berlangsung di Dewan Tun Abdul Razak, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat anjuran Rakyat Management Services (RMS) Sdn. Bhd.

Diumumkan pada 29 Mei 2024

Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Wilayah Persekutuan 2024



Sekatarakyat menerima Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Wilayah Persekutuan 2024 di kedudukan Ke-6, anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia(SKM).

Diumumkan pada 18 Julai 2024

Anugerah

Koperasi Terbaik Malaysia



Koperasi Penerima Dividen ADK-KWRS



Kejohanan Sukan

Anugerah

Ar Rahnu X 'Change



Emas
(Kategori Premier)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



PéRak
(Kategori Premier)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Kategori Harapan
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Emas
(Kategori Ultra)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Perak
(Kategori Ultra)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change

2021

2023



Emas
(Kategori Ultra)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Perak
(Kategori Ultra)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Gangsa
(Kategori Ultra)
Majlis Anugerah Francais
Ar-Rahnu X'Change



Anugerah Kesetiaan Francais
Ar-Rahnu X'Change

2022

2024

Sijil Pengiktirafan

Sijil Penghargaan 100 Koperasi Terbaik di Malaysia



2015

2016

2017

2019

2020

Sijil Penghargaan 100 Koperasi Terbaik di Malaysia



2021

2022

2023

2024



Sijil Pengiktirafan

Sijil Penghargaan Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan



2016



2017



2022

Sijil Penghargaan Di Program Dan Tajaan



2017



Sijil Penghargaan kepada Ar Rahnu X 'Change




2021



2024

Sijil Penghargaan Angkasa





KELEBIHAN MENJADI
ANGGOTA SEKATARAKYAT

Kelebihan Menjadi Anggota Sekatarakyat

Setiap anggota baru Sekatarakyat mungkin tidak menyedari betapa besar manfaat yang menantinya. Dari bantuan kewangan hingga sumbangan kebajikan dan pendidikan, setiap langkah yang diambil oleh Sekatarakyat adalah untuk memastikan kesejahteraan anggotanya.

1) Kemudahan Pembiayaan:

Perniagaan Asas:

Aktiviti Pembiayaan merupakan perniagaan utama Sekatarakyat, memudahkan anggota mendapatkan tunai segera untuk keperluan peribadi dengan mengenakan dalam kadar keuntungan yang berpatutan.

Pelbagai produk pembiayaan diperkenalkan, termasuk:

- Peribadi
- Skim Belian Plus
- Peribadi Akaun 2
- Atas Saham
- Jubli Emas
- Deposit Hartanah
- Kecemasan
- Raya
- Saham Bank Rakyat
- Naik Sekolah
- Umrah/Pelancongan
- Kereta
- Motosikal
- Barangan
- Takaful



Deviden
Modal syer /
Modal yuran



Pembiayaan



Takaful
Kenderaan



Umrah/Pelancongan



Dermasiswa




Sumbangan
Bencana

2) Manfaat dan Simpanan Anggota:

KATEGORI	BUTIRAN	NILAI (RM)
Tabung Khairat	Anggota	1,000.00
	Ibu bapa kandung/pasangan/anak	500.00
	Ibu bapa mertua	300.00
Tabung Kebajikan	Kebakaran rumah	1,000.00
	Banjir rumah	1,000.00
	Rumah musnah kerana tanah runtuh	1,000.00
	Lain-lain bencana	100.00
Tabung Saguhati Pendidikan Lanjutan	Setiap anak melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS	500.00
Modal Yuran dan Modal Syer	Jumlah caruman bulanan	30.00 - 2,000.00 sebulan
	Jumlah syer keanggotaan	200.00

3) Graf agihan dividen modal yuran dan modal syer Sekatarakyat dari tahun 1974 hingga 2023:



Graf ini menunjukkan komitmen Sektarakyat melalui agihan bermula 1974-2023



50 ANGGOTA TERPILIH SEKATARAKYAT

1974 - Siti Zalihah binti Sopar



Latar Belakang Anggota

Bekas Eksekutif.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Saya antara anggota terawal Sekatarakyat walaupun berada di Cawangan Sungai Besar, Selangor. Sekatarakyat pernah memberikan pulangan syer sehingga 23% yang memberi manfaat besar kepada semua anggota. Sekatarakyat sentiasa menjaga anggotanya sejak ditubuhkan dan kerana kasih sayang itulah saya kekal setia bersama hingga kini.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Beliau berjanji akan membantu Sekatarakyat kerana banyak jasa kepada beliau. Sekatarakyat sentiasa menjaga anggotanya, bahkan dalam 10-20 tahun akan datang. Dengan kepimpinan Datuk Arsyad bin Sehan dan Anggota Lembaga Pengarah, Sekatarakyat akan lebih maju dari Bank Rakyat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Beliau membuat pembiayaan RM600.00 untuk majlis perkahwinannya dan ini menjadi kenangan terindah serta jasa terbesar Sekatarakyat untuknya.

No. Anggota: 137

1975 - Rusngaton binti Haji Hassan

Latar Belakang Anggota

Bekas Eksekutif Ar-Rahnu Bank Rakyat Cawangan Sentul, Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Kakitangan Bank Rakyat di galakkan menjadi anggota Sekatarakyat dengan pelbagai kemudahan pembiayaan, perabot dan lain-lain.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun

Semoga pada masa hadapan, Sekatarakyat dapat meluaskan lagi perniagaan mereka dengan menawarkan jualan juga simpanan emas fizikal serta dinar emas, baik secara maya mahupun di kedai fizikal.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Sambutan Majlis Perjumpaan Anggota Bersara yang dijalankan setiap tahun merupakan kenangan manis kerana beliau rasa sangat dihargai oleh Sekatarakyat.

No. Anggota: 257



1976 - Nor Aziah binti Yahaya



Latar Belakang Anggota

Bekas Pengurus Bank Rakyat Cawangan Shah Alam.

Pandangan Mengenai Sekatarakyat

Uniknya Sekatarakyat, ia bermula dari organisasi yang kecil tetapi kini berkembang hebat di bawah pimpinan Datuk Arsad bin Sehan yang berwawasan. Sekatarakyat sentiasa berusaha memberikan pulangan dividen besar antara 13% hingga 15%, kepada anggotanya.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Terima kasih Sekatarakyat kerana sentiasa berusaha memberikan pulangan terbaik kepada anggotanya, dengan dividen yang konsisten tinggi serta pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk semua.

No. Anggota: 320

1977 - Fuziah binti Abdullah

Latar Belakang Anggota

Bekas eksekutif yang berkhidmat di Bank Rakyat Cawangan Kajang.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Dahulu, semasa bekerja di Bank Rakyat agak sukar untuk mendapatkan pembiayaan. Namun, berurusan dengan Sekatarakyat jauh lebih mudah dan setiap keperluan saya sentiasa dipenuhi. Sekatarakyat memang sentiasa sudi membantu anggotanya.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sekatarakyat akan menjadi lebih gemilang dan meningkat dari pelbagai segi jika dilihat dengan kemajuan yang dipimpin oleh Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan terkini Sekatarakyat.

No. Anggota: 334



ANGGOTA TERPILIH



1979 - Abdul Rahman bin Che Noh



Latar Belakang Anggota

Bekas Pegawai Teknologi Maklumat, Bank Rakyat Cawangan Telok Intan.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Mengenali Sekatarakyat sejak mula ditubuhkan yang beroperasi di bangunan Jalan Tangsi. Ketika itu, segala urusan masih dilakukan secara manual. Sekatarakyat memberikan pembiayaan, pembelian barang serta bantuan untuk persediaan sekolah dan menyambut perayaan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sekatarakyat pasti akan menyerlah dan bersinar kerana kepelbagaian perniagaan yang diceburi dan semoga Sekatarakyat dapat memberi sumbang bakti kepada anggotanya dengan memberi dividen yang lebih tinggi.



No. Anggota: 419

1980 - Rosli bin Mat

Latar Belakang Anggota

Pesara Bank Rakyat selama 33 tahun.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Merupakan salah seorang anggota awal ketika Sekatarakyat baru ditubuhkan, di mana ketika itu hanya terdapat seorang kerani, Puan Hasiah. Pada masa tersebut, komitmen untuk menjadi anggota Sekatarakyat hanyalah RM20.00.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Kehebatan Sekatarakyat adalah kesepakatan Pengurus dan barisan pemimpin juga anggota dalam Sekatarakyat dan juga kepandaian para pemimpin yang menerajui Sekatarakyat menyebabkan ia kekal hebat hingga kini.



No. Anggota: 465

1981 - *Sufiah binti Hasbullah*



Latar Belakang Anggota

Bekas Pengurus Bank Rakyat, Cawangan Kajang.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Diminta menjadi anggota oleh pegawai atasan dan sedar tentang banyak manfaat yang Sekatarakyat berikan kepada anggotanya.

Produk/Perkhidmatan

Sekatarakyat adalah sebuah organisasi Melayu-Islam yang berjaya, sentiasa memberikan dividen yang tinggi serta memberi peluang kepada bekas pesara seperti kami untuk membuat pembiayaan.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Saya tidak akan lupa ketika memenangi cabutan bertuah lima teratas di Majlis Perjumpaan Anggota Bersara, kerana sebelum ini, saya tidak pernah memenangi sebarang hadiah untuk cabutan bertuah.



No. Anggota: 511

1982 - Ahmad bin Abdul Latif

Latar Belakang Anggota

Bekas Pengawal Keselamatan Bank Rakyat Cawangan Sungai Besar, Selangor.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Disarankan oleh pegawai menjadi anggota dan hanya mengikut arahan.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Sekatarakyat sentiasa memberikan pulangan yang tinggi juga adil dan saksama tanpa mengira pangkat atau kedudukan anggotanya. Sekatarakyat tidak pernah pilih kasih dalam setiap urusan, memastikan semua anggotanya dilayan dengan sama rata.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah setinggi-tingginya kepada Anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat. Semoga terus cemerlang di masa hadapan dan dapat terus memberi manfaat besar kepada anggotanya. Terima kasih tidak terhingga.

No. Anggota: 518



1983 - Abd Halim bin Abd Majid



Latar Belakang Anggota

Bekas Eksekutif Teknologi Maklumat & Bekas Pegawai Sektor Pengurusan Risiko, Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Beliau memilih untuk menyimpan dan memohon pembiayaan melalui koperasi yang dikendalikan oleh warga kerja Bank Rakyat. Hingga kini, kesetiaannya kepada Sekatarakyat tetap utuh kerana yakin Sekatarakyat sentiasa mesra pelanggan dan akan terus memenuhi keperluan kewangan anggotanya.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah kepada Sekatarakyat atas pencapaian 50 tahun yang cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan kewangan berkualiti. Semoga Sekatarakyat terus berjaya dan memberi manfaat kepada lebih ramai anggota di masa hadapan.

No. Anggota: 546



1984 - Sofiah binti Haron

Latar Belakang Anggota Sekatarakyat

Telah bersara dari Bank Rakyat ketika berumur 56 tahun.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Keyakinan beliau terhadap potensi Sekatarakyat untuk menjadi sebuah koperasi yang maju dan disegani di masa depan.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Ketika ingin berkahwin, berpindah rumah dan membeli perabot, Sekatarakyat telah membantu beliau melalui pembiayaan. Beliau sanggup datang ke Mesyuarat Agung Perwakilan di Kuala Lumpur dari Alor Setar sendirian menaiki bas tanpa sebarang imbuhan, 30 tahun yang lalu. Beliau sangat gembira dapat berkenalan dengan kakitangan di Ibu Pejabat dan menerima layanan yang sangat baik daripada semua kakitangan Sekatarakyat.



No. Anggota: 629

1985 - Nor Ariffin bin Ramli



Latar Belakang Anggota

Telah 38 tahun berkhidmat untuk Bank Rakyat.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sebagai kakitangan di Bank Rakyat serta majikan yang menyeru supaya menyertai untuk pelbagai manfaat.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun

Semoga Sekatarakyat menjadi koperasi yang pertama di antara seluruh koperasi yang ada di Malaysia.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Saya menyaksikan barisan pentadbir yang hebat dalam memajukan Sekatarakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat dapat mengembangkan lagi perniagaan kepada yang lebih menguntungkan serta berpotensi supaya semua anggota dapat manfaatnya.

No. Anggota: 705



1986 - Rosemawati binti Ibrahim

Latar Belakang Anggota

Bekas salah seorang Setiausaha di Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota


Sekatarakyat

Tarikan utama Sekatarakyat adalah keistimewaan yang ditawarkan kepada anggotanya yang tidak ada di koperasi lain. Dengan pelbagai perkhidmatan dan komitmen yang tinggi, Sekatarakyat sentiasa menjaga kebajikan anggotanya.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sekatarakyat memang terbaik dalam menjaga kebajikan, hal ehwal dan pembiayaannya kepada setiap anggotanya tanpa mengira keadaan. Saya yakin Sekatarakyat akan terus makmur dan berjaya di masa hadapan. Terima kasih, Sekatarakyat!

No. Anggota: 735



1987 - Nazaruddin bin Zainal Abidin



Latar Belakang Anggota

Bekas Penolong Naib Presiden Kanan, Operasi Wilayah Selatan.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Kakitangan Bank Rakyat digalakkan menjadi anggota Sekatarakyat dan kerana berkhidmat dengan sebuah bank koperasi, sokongan penuh diberikan. Beliau turut berminat dalam hal ehwal koperasi semasa bersama Sekatarakyat dan dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Audit Dalaman pada tahun 2018.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sekatarakyat adalah cerminan bagi Bank Rakyat, terutama dalam bidang perniagaan yang diceburi dan dilaksanakan. Sekatarakyat telah berkembang menjadi sebuah institusi yang disegani dan koperasi ini menjadi lebih sempurna apabila menggunakan konsep perbankan syariah. Semoga Sekatarakyat terus maju, memberi manfaat kepada anggotanya dan kekal sebagai contoh teladan bagi koperasi lain di Malaysia.

No. Anggota: 854



1988 - Azhar bin Ahmad

Latar Belakang Anggota


Eksekutif di *Shared Services Operation*, Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Untuk membuat pinjaman (kini pembiayaan) pada ketika itu agak sukar, terutama bagi kakitangan bank, kerana ia dianggap sebagai konflik kepentingan. Selain itu, prosesnya memerlukan pelbagai dokumen dan jaminan yang ketat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Keunikan Sekatarakyat terletak pada kemampuannya memberikan pulangan keuntungan yang luar biasa, sentiasa stabil dan lebih tinggi berbanding institusi lain. Ini menjadikannya pilihan utama dan kenangan indah bagi setiap anggotanya.



No. Anggota: 916

1989 - Ahmad Zamal bin Kassim



Latar Belakang Anggota

Pengurus Bank Rakyat Cawangan Tanjung Karang.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat punca dan sumber kami untuk membuat pinjaman kepada anggotanya dan membenarkan kami untuk membuat semula simpanan untuk pembelian saham di Sekatarakyat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Uniknya Sekatarakyat pulangan dividen yang tinggi dan puratanya 15% yang masih kekal hingga kini.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sempena 50 Tahun Sekatarakyat berilah dividen atau hadiah yang istimewa untuk anggota-anggota lama seperti kami yang sentiasa menyokong Sekatarakyat dari ia ditubuhkan hingga kini.

No. Anggota: 943

1990 - Rosli bin Mohd Nor

Latar Belakang Anggota

Pemandu Khas di Bank Rakyat sejak 1990.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Perkhidmatan simpanan dan pembiayaan.

Produk/Perkhidmatan

Pelbagai produk serta perkhidmatan lain yang memberi manfaat kepada setiap anggota.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Caruman dan simpanan .

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi.

Menambah lagi had pembiayaan serta menaja idea yang lebih strategik untuk pembangunan koperasi.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Ianya teramat manis dan biarlah saya simpan dalam lipatan kenangan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga lebih maju di masa akan datang.

No. Anggota: 1003



1991 - Khairul Anuar bin Sharudin



Latar Belakang Anggota

Pengurus Bank Rakyat Cawangan Ayer Keroh.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat sentiasa menjadi tempat kami mengadu, terutama dalam hal kewangan. Berkat pembiayaan ini selama 33 tahun, beliau bahagia bersama keluarganya. Sekatarakyat stabil dalam memberi pulangan terbaik dan lebih menarik lagi, Sekatarakyat patuh syariah.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Pemberian dividen Sekatarakyat sentiasa dua angka setiap tahun kepada anggotanya. Bagi saya, Datuk Mohamed Arsal bin Sehan adalah tokoh korporat dengan wawasan terbaik yang menjadikan Sekatarakyat hebat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah kepada Sekatarakyat atas kejayaan menjadi koperasi yang dibanggakan anggotanya. Ia adalah koperasi terbaik yang saya kenali, dari segi manfaat, pulangan dan aktiviti yang tiada di koperasi lain. Terima kasih, Sekatarakyat!

No. Anggota: 1179

1992 - Amir Hamzah bin Muhamad Desa

Latar Belakang Anggota

Jawatan terkini ialah Eksekutif Kanan Ar-Rahnu dan telah berkhidmat di 8 Cawangan Bank Rakyat.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Kemudahan pembiayaan, simpanan dan dividen.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa Mesyuarat Agung Perwakilan kerana adanya rakan-rakan seperjuangan.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Untuk kekal dalam industri ini, Sekatarakyat perlu bersaing secara sihat dengan koperasi lain dari segi pasaran modal dan pengagihan dividen. Pengurusan pentadbiran perlu mempunyai sistem teknologi terkini yang mampu meyakinkan ahli melalui data yang tepat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat


Dividen yang diterima memberi faedah kepada semua anggota, dengan kadar sebanyak 13%.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Sekatarakyat mampu untuk bersaing dengan pasaran kerana banyak koperasi tidak dapat bertahan lama.

No. Anggota: 1238

1993 - Mohd Rusli bin Omar



Latar Belakang Anggota

Bekas Eksekutif Kanan di Jabatan Pengurusan Ar-Rahnu, Bank Rakyat Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Untuk menstabilkan ekonomi keluarga.

Produk/Perkhidmatan

Projek pembangunan harta tanah, Ar-Rahnu dan pelbagai lagi.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Caruman sebagai anggota setiap tahun.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Keuntungan yang berganda dengan kedudukan koperasi yang mantap.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat dapat mengimbangkan risiko dan keuntungan untuk manfaat semua anggota.

No. Anggota: 1491



ANGGOTA TERPILIH

1994 - Nizam bin Abu Samah

Latar Belakang Anggota

Naib Presiden Cawangan.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Disyorkan majikan serta rakan-rakan.

Produk/Perkhidmatan

Kemudahan pembiayaan serta perkhidmatan Ar-Rahnu.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Menyertai *Treasure Hunt* sebagai usaha memperkenalkan Sekatarakyat dan produk-produknya kepada umum.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Terus maju dan mekar seiring perkembangan Bank Rakyat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Dapat menyertai aktiviti *Treasure Hunt* bersama rakan-rakan yang lain.


Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah Sekatarakyat! Saya sentiasa mendoakan semoga Sekatarakyat terus cemerlang, gemilang dan terbilang!

No. Anggota: 1831



1995 - Nor Aziah binti Jemali



Latar Belakang Anggota

Pengurus Cawangan di Petaling Jaya Seksyen 14, Selangor.
Telah berkhidmat bersama Bank Rakyat selama 31 tahun.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sejak mula bekerja, saya berazam untuk mewujudkan tabungan yang boleh menjana pendapatan pasif suatu hari nanti. Hingga kini, saya kekal setia bersama Sekatarakyat kerana keyakinan terhadap tadbir urus, corak perniagaan yang diceburi dan pembayaran dividen tinggi yang konsisten setiap tahun.

Produk/Perkhidmatan

Tempahan katering makanan, rumah rehat di Cameron Highlands, Taska Nuri, jualan kuih raya, Kedai Serbaneka dan pelbagai lagi.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Sokongan saya terhadap perniagaan Sekatarakyat dari segi modal dan pendapatan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Saya berharap dan mendoakan Sekatarakyat terus maju jaya dalam perniagaan yang diceburi dan menjadi seperti Bank Rakyat yang telah menempa pelbagai kejayaan dari pelbagai aspek.

No. Anggota: 2191

1996 - Nor Helmi bin Md Arof

Latar Belakang Anggota

Bertugas sebagai Eksekutif Pembiayaan di Ibu Pejabat Bank Rakyat.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pulangan dividen yang konsisten minimum 10%.

Produk/Perkhidmatan

Simpanan dan pelaburan.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Simpanan serta pembiayaan.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Peningkatan aset dan kepelbagaiannya produk pembiayaan kepada anggota.

Ucapan Khas Untuk

Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga sukses untuk 50 tahun lagi.

No. Anggota: 2589



1997- Mohammad Nor bin Cheklah



Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Bahagian MSC SEL.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Terdapat pembiayaan dan dividen anggota yang menarik.

Produk/Perkhidmatan

Takaful kenderaan, perhotelan dan pajak gadai Islam Ar-Rahnu.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Menjadi anggota, membayar yuran dan membuat pembiayaan.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Boleh berdaya saing, terus maju dan menjadi koperasi No.1 di Malaysia.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah kerana pencapaian terbaik hingga hari ini dan semoga terus maju dan sukses dalam apa bidang perniagaan pada masa akan datang.

No. Anggota: 2512

1998 - Mohd Yurizal bin Mohd Yusof

Latar Belakang Anggota

Berkhidmat sebagai kerani.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Diperkenalkan oleh rakan sekerja dan melihat banyak manfaat kepada anggotanya.

Produk/Perkhidmatan

Ar-Rahnu, mempunyai apartment yang disewakan, memiliki produk seperti air mineral serta pembangunan tapak perumahan teres.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Terus menyokong semua perkhidmatan atau produk yang ditawarkan.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Sekatarakyat mampu menjana pendapatan yang sangat baik.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Menyertai beberapa kursus dan program anjuran Sekatarakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Happy Birthday Sekatarakyat, May Allah Ease Everything Amin.

No. Anggota: 2822



1999 - Ismail bin Ahmad

Latar Belakang Anggota

Berkhidmat sebagai penyelia bangunan dari 1990 hingga 2022.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pinjaman, simpanan serta dividen yang menguntungkan.

Produk/Perkhidmatan

Kafeteria, kedai runcit, perkhidmatan katering, hartanah dan Ar-Rahnu.

Sumbangan kepada Sekatarakyat

Melalui caruman bulanan saya sebagai ahli aktif.

Sekatarakyat untuk tempoh 10 tahun lagi

Pertumbuhan yang semakin rancak serta aktif melalui idea beras pihak pengurusan.

Ucapan khas untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus sukses dan boleh meluaskan lagi bidang perniagaannya dengan mewujudkan kedai emas atau kedai pengurup wang.

No. Anggota: 2970



2000 - Raja Syamsul Bahri bin Raja Abdullah

Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Ibu Pejabat Bank Rakyat di Jabatan Pengurusan Harta.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat menawarkan kemudahan simpanan dan dividen yang terbaik buat anggotanya.

Produk/Perkhidmatan

Perkhidmatan pembelian Takaful, kafeteria dan lain-lain.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Sebagai pencarum.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Memberikan dividen yang lebih tinggi dan mampu berdaya saing dalam segala bidang.


Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Selamat menyambut ulang tahun Jubli Emas Sekatarakyat.

No. Anggota: 2772



2001 - Tun Yazli Hismul Asri bin Yaacob



Latar Belakang Anggota

Naib Presiden Kanan PMKS dan Koperasi Usahawan.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Caruman setiap bulan serta modal pelaburan perniagaan.

Produk/Perkhidmatan

Kedai serbaneka, perniagaan berkonsepkan makanan dan minuman.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Saya menambah jumlah caruman setiap tahun.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Saya yakin dengan pengurusan dan kepimpinan yang terbaik, Sekatarakyat mampu mengukuhkan lagi kedudukan mereka untuk beberapa tahun akan datang.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Saya anggota yang setia kerana yakin dengan pengurusan Sekatarakyat yang akan menjadikannya koperasi terkemuka di Malaysia. Tahniah Sekatarakyat.

No. Anggota: 3794



2002 - Ahmad Zaki bin Ismail

Latar Belakang Anggota

Telah berkhidmat selama 22 tahun dan kini berkhidmat sebagai kerani tingkatan khas di Bank Rakyat Cawangan Shah Alam.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pembentangan serta belian barang melalui Kedai Serbaneka Sekatarakyat.

Produk/Perkhidmatan

Rumah rehat, Ar-Rahnu, pembentangan persekolahan serta sumbangan tabung pendidikan Sekatarakyat

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Sekatarakyat berpotensi melangkah lebih jauh dan mencapai kedudukan 5 koperasi terbaik di Malaysia.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Ketika menerima dividen dan senang membuat pembentangan untuk menampung keperluan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat menjadi salah satu koperasi yang terunggul.

No. Anggota: 3448



2003- Abd Hadiy bin Abd Rahman



Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Ibu Pejabat Bank Rakyat sejak 2002.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Keinginan untuk menyokong model ekonomi berasaskan komuniti yang memberi manfaat langsung kepada anggota dalam usaha mencapai kepentingan bersama.

Produk/Perkhidmatan

Takaful kenderaan, pajak gadai Islam, khairat kematian, pembiayaan persekolahan dan tabung pendidikan.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Menyokong inisiatif serta menyumbang idea dan tenaga untuk memajukan Sekatarakyat

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Terus berkembang dan menjadi pemangkin utama dalam ekonomi sosial.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Semasa memperoleh dividen tahunan dari Sekatarakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Teruskan usaha membangunkan koperasi selari dengan memperjuangkan kepentingan untuk para anggota.

No. Anggota: 3636



ANGGOTA TERPILIH

2004 - Norita binti Abu Samah

Latar Belakang Anggota

22 tahun berkhidmat di Bank Rakyat dan kini bertugas di Pusat Rakyat Exclusive Cawangan Putrajaya

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Senior di Bank Rakyat mencadangkan beliau menyertai Sekatarakyat sebagai pilihan tabungan selepas persaraan.

Produk/Perkhidmatan

Taska Nuri, takaful kenderaan dan Ar-Rahnu.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Berjaya membeli kamera digital pertamanya dengan pembiayaan dari Sekatarakyat sebagai kenangan selepas dikurniakan anak pertama.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Pengurusan dan kepimpinan yang terbaik, mampu mengukuhkan lagi koperasi untuk beberapa tahun lagi.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Jutaan terima kasih kepada Sekatarakyat kerana banyak membantu kami dalam pengurusan melibatkan kewangan. Tahniah Sekatarakyat atas 50 tahun perkhidmatan yang sangat cemerlang!

No. Anggota: 3749



2005 - Mohd Hidzir bin Mohd Yusoff



Latar Belakang Anggota

Telah menjadi anggota Sekatarakyat sejak 2005 dan berkhidmat di bahagian BSSV.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Mengambil peluang untuk membuat pinjaman yang ditawarkan.

Produk/Perkhidmatan

Kafeteria, rumah rehat serta Sekata Farmasi.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Semoga Sekatarakyat akan memperluaskan lagi perkhidmatannya seperti menjadi agensi pelancongan atau ejen hartanah.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat.

Pulangan dividen yang menguntungkan para anggota melalui pakej pembiayaan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus berkembang pesat dan memberi lebih banyak faedah kepada anggotanya termasuk dalam aspek hartanah dan perniagaan.

No. Anggota: 3929



2006 - Mohamad Rosli bin Md Ali

Latar Belakang Anggota

Mula berkhidmat di Ibu Pejabat Bank Rakyat pada tahun 2005.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat menawarkan pembiayaan peribadi berlandaskan syariah dengan kadar yang berpatutan.

Produk/Perkhidmatan

Kafeteria, Ar-Rahnu, Taska Nuri, Sekata Apartment di Cameron Highlands.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Menjadi wakil dalam Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Sekatarakyat.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Sekatarakyat akan lebih berdaya saing dan mampu membantu ekonomi para anggota dengan lebih baik.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Tahniah untuk Jubli Emas 50 tahun. Semoga terus maju, berkat dan memberikan perkhidmatan yang terbaik buat para anggota.

No. Anggota: 4108



2007- Ismat Nazarul bin Mat Isa



Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Rakyat Management Services Sendirian Berhad.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Kadar dividen yang tinggi serta kemudahan fasiliti kepada anggota.

Produk/Perkhidmatan

Produk takaful , saham dan akaun tabungan.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Mencarum dan menjadi anggota

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Perlu menceburi perniagaan yang boleh mengoptimumkan keuntungan koperasi sekaligus memberi pulangan yang tinggi kepada anggota.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus cemerlang dalam memberi khidmat kepada anggota.

No. Anggota: 4161



2008- Mohd Shahril bin Ku Isahak

Latar Belakang Anggota

Eksekutif Kanan Wilayah Selangor.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pelbagai kemudahan seperti pembiayaan peribadi dan perumahan.

Produk/Perkhidmatan

Rumah penginapan di Cameron Highlands.

Sekatarakyat Untuk Tempoh 10 Tahun Lagi

Organisasi yang mampu kekal lama, memberi faedah kepada anggota terutama selepas bersara.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat masih kekal *relevant* dan memperluaskan keanggotaan mengikut pasaran global.

No. Anggota: 4161



ANGGOTA TERPILIH



2009 - Muhamad Azrie bin Azman



Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Cawangan Petaling Jaya.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekata rakyat

Saya melihat peluang pinjaman dan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh Sekata rakyat lebih mudah dan peluang dividen yang tinggi.

Produk/Perkhidmatan

Perkhidmatan pajak gadai Islam Ar-Rahnu dan Skim Simpanan Am menawarkan pulangan tinggi, iaitu sebanyak 7% setahun.

Ucapan Khas Untuk Sekata rakyat 50 Tahun

Semoga Sekata rakyat terus berkembang maju, menerajui organisasi koperasi dan memberi saingan sihat kepada koperasi yang lain di Malaysia.



No. Anggota: 4800

2010 - Mohd Imran bin Abu Bakar

Latar Belakang Anggota

Beliau mula berkhidmat di Ibu Pejabat Bank Rakyat pada Disember 2008 di Jabatan Kad Kredit.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat terkenal kerana kadar dividen yang tinggi dan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan.

Produk/Perkhidmatan

Pembiayaan peribadi dan caruman.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Terima kasih Sekatarakyat kerana banyak membantu kami. Cadangan saya, Sekatarakyat dapat menurunkan kadar pembiayaan peribadi staf kepada 3%, mengekalkan keanggotaan kakitangan Bank Rakyat yang berhenti awal, mewujudkan aplikasi keanggotaan untuk Android dan App Store serta tidak mengehadkan caruman yuran bulanan.



No. Anggota: 4884

2011 - Muhammad Nizam bin Khairy Anuar



Latar Belakang Anggota

Pegawai operasi di Rakyat Xcess, Cawangan Bandar Tasik Puteri, Rawang.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Kadar dividen Sekatarakyat yang konsisten 2 digit menjadi salah satu faktor saya menjadi anggota.

Produk/Perkhidmatan

Sekatarakyat membantu persiapan raya dengan menyediakan juadah Aidilfitri dalam pembungkusan vakum yang mudah disimpan dan dipanaskan. Jualan kuih raya juga ditawarkan untuk memudahkan persiapan raya anggota.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Memberi sokongan dalam menyertai aktiviti anjuran Sekatarakyat seperti Tahlil, Treasure Hunt dan program terbaru Boling Jubli Emas Sekatarakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Saya mendoakan kesejahteraan semua warga kerja Sekatarakyat, Anggota Lembaga Pengarah dan semua yang terlibat dalam pengurusan. Akhir kata majulah Sekatarakyat demi kesejahteraan anggota.

No. Anggota: 5321



2012 - Muhammad Asyrafi bin Mohd Noor

Latar Belakang Anggota

Beliau baru sahaja berkhidmat selama 3 tahun di Bank Rakyat Cawangan Shah Alam.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat menawarkan banyak kemudahan dan faedah seperti pembiayaan, caruman dan dividen yang tinggi.

Produk/Perkhidmatan

Selain pembiayaan yang saya tahu adalah Taska Nuri dan simpanan tetap.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Pembiayaan dan caruman bulanan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sekatarakyat kerana banyak membantu anggotanya dengan pelbagai bantuan serta dividen yang tinggi. Semoga Sekatarakyat terus maju jaya dan menjadi koperasi terbaik di Malaysia.

No. Anggota: 5579



2013 - Muhammad Fauzan bin Abd Karim



Latar Belakang Anggota

Berkhidmat di Bahagian Operasi Teknologi Maklumat di Ibu Pejabat Bank Rakyat.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Beliau tertarik menjadi anggota Sekatarakyat setelah mendengar rakan-rakan sepejabat berkongsi tentang kemudahan yang ditawarkan seperti pembiayaan dan saham dengan kadar dividen yang tinggi.

Produk/Perkhidmatan

Sekatarakyat menyediakan rumah peranginan di Cameron Highlands, caruman, saham, Ar-Rahnu dan kedai serbaneka.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Diharapkan Sekatarakyat terus memberikan perkhidmatan terbaiknya pada masa hadapan agar dapat menjadi sebuah nama besar, bukan hanya di Malaysia, tetapi dikenali di seluruh dunia."



No. Anggota: 5809

2014 - Muhammad Fathi bin Mohd Faudzi

Latar Belakang Anggota

Beliau telah berkhidmat di Bank Rakyat Cawangan Ampang selama 11 tahun.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Dividen yang di berikan tinggi dan menguntungkan.

Produk/Perkhidmatan

Diantara kemudahan lain adalah rumah peranginan, takaful dan bonus tahunan yang tinggi.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Mempromosikan kebaikan dan kelebihan menjadi anggota kepada staf baru

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Pada tahun 2020, saya memohon pembiayaan rumah dan urusan deposit selesai dalam 3 hari dengan bantuan Sekatarakyat. Saya juga menerima bantuan khairat sebanyak RM500.00 semasa ibu meninggal dunia.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Terima kasih kepada Sekatarakyat. Semoga maju jaya dan sukses selalu, saya sentiasa menyokong Sekatarakyat.

No. Anggota: 5894



2015 - Mohd Nazri bin Subni



Latar Belakang Anggota

Beliau telah berkhidmat di Bank Rakyat selama 12 tahun dan kini memegang jawatan Eksekutif Kanan di Unit Gaji.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Keistimewaan yang ditawarkan kepada anggota seperti kemudahan dan rebat pembiayaan, saham anggota dan pelbagai kemudahan menarik.

Produk/Perkhidmatan

Selain pembiayaan, Sekatarakyat juga menawarkan pembaharuan insurans, penjualan harta tanah dan kemudahan katering.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Sebagai anggota, saya menyokong produk dan perkhidmatan Sekatarakyat serta membantu menguruskan potongan pembiayaan warga kerja Bank Rakyat setiap bulan.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus maju dalam perniagaan, memberi layanan terbaik kepada anggotanya dan mencapai keuntungan yang lebih baik setiap tahun.

No. Anggota: 6088



2016 - Intan Ezura binti Jamaludin

Latar Belakang Anggota

Sejak 2011 hingga kini, beliau berkhidmat sebagai Eksekutif di Jabatan Pengurusan Harta.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Sekatarakyat menawarkan kemudahan bermanfaat dengan pulangan tinggi, sentiasa memudahkan urusan anggotanya, menjadikannya pilihan yang tepat.

Produk/Perkhidmatan

Sekatarakyat menyediakan perkhidmatan katering, rumah rehat di Cameron Highlands, Kedai Serbaneka dan farmasi.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Saya mendoakan yang terbaik untuk Sekatarakyat. Jangan mudah mengalah dengan apa sahaja halangan kerana Sekatarakyat ada penyokong dan anggotanya yang sentiasa bersama. Tahniah Sekatarakyat kerana bertahan selama 50 tahun dan membina asas yang kukuh sebagai koperasi. Semoga terus maju dan cemerlang!

No. Anggota: 6379



2017 - Zatul Hasanah binti Mohd Radzuan



Latar Belakang Anggota

Beliau merupakan Pengurus di Serambi Ilmu Rakyat, Yayasan Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Dahulu, hanya kakitangan yang disahkan boleh menjadi anggota Sekatarakyat yang menawarkan pelbagai pembiayaan melalui potongan gaji. Anggota juga mendapat saham, dividen tahunan, serta pelbagai bantuan lain menjadikannya pilihan terbaik berbanding koperasi lain.

Produk/Perkhidmatan

Takaful kenderaan, bantuan persekolahan dan hari raya, projek harta tanah, sewaan rumah rehat dan pelbagai lagi.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Mempromosikan dan menggalakkan kakitangan baru untuk meningkatkan pelaburan mereka bersama Sekatarakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus kekal maju dan menawarkan lebih banyak promosi menarik kepada anggotanya.

No. Anggota: 7089

2018 - Muhammad Fitri Firdaus bin Mohammad Nazir

Latar Belakang Anggota

Bertugas sebagai polis bantuan Bank Rakyat Cawangan Setapak.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Banyak kelebihan antaranya mendapat dividen yang tinggi dan lebih kepada patuh syariah.

Produk/Perkhidmatan

Takaful kenderaan, Ar-Rahnu dan Sekata Apartment di Cameron Highlands.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Saya mencarum setiap bulan.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Berpeluang menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan dan mendapat dividen yang tinggi.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus maju dan dikenali di dalam memberi perkhidmatan terbaik untuk anggota dan masyarakat.

No. Anggota: 7235

190

ANGGOTA TERPILIH



2019 - Wan Mastura binti Wan Ismail



Latar Belakang Anggota

Eksekutif di Jabatan Risiko Kredit dan Modal.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pulangan dividen deposit yang kekal kompetitif dan juga peluang dari segi kemudahan pembiayaan.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Sekatarakyat.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Proses pembiayaan yang mudah dan cepat serta perkhidmatan Taska Nuri yang sangat memuaskan hati.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus maju, kompetitif, dan berjaya menembusi bidang-bidang lain yang lebih menonjol.



No. Anggota: 7639

2020 - Mohamad Taufik bin Mahmud

Latar Belakang Anggota

Beliau berkhidmat di Bank Rakyat, Bahagian Perbendaharaan sejak 2019 dan bertanggungjawab dalam pemasaran, jualan, deposit tetap dan FORX.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Beliau tertarik ketika mendengar rakan-rakan sepejabat berbincang tentang dividen tinggi yang Sekatarakyat kreditkan.

Produk/Perkhidmatan

Kedai serbaneka, rumah peranginan, pembiayaan perumahan, pakej umrah dan haji, pelaburan, farmasi, takaful kenderaan dan kafeteria.

Kenangan Manis Dengan Sekatarakyat

Beliau mencarum dengan RM50 sahaja tetapi sangat gembira kerana menerima dividen yang tinggi dan berjaya membuat simpanan untuk masa hadapannya.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Selamat ulang tahun ke-50 Sekatarakyat. Semoga terus maju jaya dan terus memberi kebaikan kepada anggota. Terima kasih kerana banyak membantu kami, terutama ketika dalam kesusahan.



No. Anggota: 7769

2021 - Amizi bin Che Aziz



Latar Belakang Anggota

Beliau mula berkhidmat sebagai polis bantuan berjawatan Inspektor di Ibu Pejabat Bank Rakyat pada September 2020.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Rakan-rakan memaklumkan bahawa Sekatarakyat bukan sahaja menawarkan produk dan perkhidmatan yang menarik, tetapi juga kakitangan yang mesra dan prihatin. Tertarik dengan kedua-dua aspek ini, beliau memutuskan untuk menyertai Sekatarakyat.

Produk/Perkhidmatan

Pembentangan persekolahan, bantuan raya serta produk lain seperti harta tanah dan perkhidmatan katering yang terkenal dengan menu yang lazat dan berkualiti.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus maju, mengembangkan produk dan aktiviti dalam meningkatkan lagi kemesraan dengan anggotanya. Sekatarakyat adalah harapan anggota ketika menghadapi masalah dan saya yakin Sekatarakyat akan sentiasa membantu.

No. Anggota: 8287

2022 - Norhazwani Anis binti Ridzuan

Latar Belakang Anggota

Eksekutif di Jabatan Risiko Kredit dan Modal.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pulangan dividen deposit yang kompetitif.

Produk/Perkhidmatan

Diantara produk dan perkhidmatan lain yang Sekatarakyat sediakan seperti khairat kematian, kemudahan rumah rehat, kafeteria dan Kedai Serbaneka.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Saya sentiasa menyokong dan membeli produk juga menggunakan perkhidmatan Sekatarakyat.


Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat akan menjadi lebih maju dan berjaya menembusi bidang-bidang perniagaan yang lain.



No. Anggota: 8460

2023 - Nurul Ain binti Awang



Latar Belakang Anggota

Beliau telah berkhidmat selama 5 tahun di Ibu Pejabat Bank Rakyat, Jabatan *Talent Acquisition*.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Setelah rakan sekerja menerangkan kelebihan Sekatarakyat, termasuk pelbagai jenis pembiayaan dan kadar pulangan caruman yang tinggi, saya tertarik untuk menjadi anggota.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Saya sentiasa mempromosikan kelebihan dan kebaikan Sekatarakyat kepada warga kerja baharu Bank Rakyat.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Semoga Sekatarakyat terus menjadi koperasi terunggul, memberikan perkhidmatan, produk dan manfaat terbaik kepada semua anggotanya.

No. Anggota: 8720

2024 - Mohd Saiful bin Yamba

Latar Belakang Anggota

Beliau telah berkhidmat selama 3 tahun di Jabatan Perolehan Teknologi Maklumat, Pengurusan Fasiliti, di Ibu Pejabat Bank Rakyat.

Faktor Utama Menjadi Anggota Sekatarakyat

Pemberian dividen Sekatarakyat sentiasa dua angka, berbeza dengan ASB dan Tabung Haji dan sebagai kakitangan Bank Rakyat, saya menyertai Sekatarakyat kerana kelebihannya ini.

Produk/Perkhidmatan

Rumah rehat, katering dan pembaharuan takaful kenderaan secara potongan gaji.

Sumbangan Kepada Sekatarakyat

Setiap kali bercuti ke Cameron Highlands, beliau sentiasa menggunakan fasiliti Sekatarakyat sebagai pilihan utama.

Ucapan Khas Untuk Sekatarakyat 50 Tahun

Anak sembilang di tapak tangan,
Tertusuk duri bisanya terasa,
Kejayaan menjadi harapan,
Jangan sesekali berputus asa.

No. Anggota: 9046



ANGGOTA TERPILIH



Senarai Protemp & Pengerusi

Senarai Protemp

- 01 Ismail bin Din
- 02 Abd Rashid bin Mohd Yusoff
- 03 Ahmad bin Talib
- 04 Ayub bin Abd Rani
- 05 Omar bin Mohamed
- 06 Aminuddin bin Md Diah
- 07 Amran bin Ahmad
- 08 Fatimah binti Mohd Seth
- 09 Ghazally bin Shahabudin
- 10 Abd Razak bin Abd Rahman
- 11 Zainal Abidin bin Nordin

Senarai Pengerusi

- 01 Omar bin Mohamed (1974-1976)
- 02 Ismail bin Jumin (1977-1982)
- 03 Mohd Salleh bin Taha (1983-1996)
- 04 Datuk Mohamed Arsal bin Sehan (1997-2006)
- 05 Datuk Mustafha bin Abd Razak (2007)
- 06 Datuk Mohamed Arsal bin Sehan (2008 - Kini)

Senarai Keseluruhan Anggota Lembaga Pengarah

- | | | |
|-------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------------|
| 1. Abd Rashid bin Mohd Yusoff | 19. Faizah binti Mahamud | 37. Muaanaff bin Abd Latiff |
| 2. Abd Razak bin Abd Rahman | 20. Fakharuddin bin Che Puteh | 38. Najib Fahmy bin Hamzah |
| 3. Abdul Lidzam bin Muhamad Alias | 21. Fatimah binti Mohd Seth | 39. Nasirah binti Ariss |
| 4. Abdullah Sani bin Tambi | 22. Hashim bin Mohamed | 40. Nor Aziah binti Yahya |
| 5. Ahmad Kidzbullah bin Ridzuan | 23. Hasrul Liza binti Shah Rudin | 41. Norlian binti Ahmad Ibrahim |
| 6. Ahmad bin Talib | 24. Ismail bin Din | 42. Normala binti Mohd Yunus |
| 7. Aminuddin bin Mohd Diah | 25. Ismail bin Jumin | 43. Omar bin Mohamed |
| 8. Amran bin Ahmad | 26. Khalid bin Abdul Hamid | 44. Pauzi bin Mohd Salleh |
| 9. Anoor Faridah binti Ngah | 27. Kharuddin bin Musa | 45. Rozarina binti Shahri |
| 10. Anuar bin Salleh | 28. Mohamad Sabri bin Mohamed Nor | 46. Sabariah binti Mohd Akhir |
| 11. Asmadi bin Hussin | 29. Mohamad Thuairi bin Mohamad Tayeb | 47. Saharuddin bin Md Yusuf |
| 12. Ayub bin Abd Rani | 30. Mohd Arief Azree bin Tun Arifin | 48. Saliman bin Zainal |
| 13. Azlan bin Alias | 31. Mohd Badri bin Osman | 49. Suhaimi bin Che Omar |
| 14. Baharin bin Abu Samah | 32. Mohd Khuzaini bin Ab Ghani | 50. Suhaimi bin Omar |
| 15. Che Nat bin Abdullah | 33. Mohd Mushin bin Ismail | 51. Yahya bin Uda |
| 16. Dato' Mustafha bin Abd Razak | 34. Mohd Salleh bin Mahmood | 52. Zainal Abidin bin Nordin |
| 17. Dato' Shaharudin bin Mohd Sa'ad | 35. Mohd Salleh bin Taha | 53. Zainuddin bin Ali |
| 18. Datuk Mohamed Arsal bin Sehan | 36. Mohd Shaifuddin bin Abdullah | 54. Zakaria bin Nordin |



- Abdul Rahman, H. (2018). *Sejarah Koperasi di Malaysia: Dari Masa Kepada Masa*. Penerbit UPM.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Koperasi Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan Koperasi Malaysia 2020*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Koperasi.
- Lee, C. H., & Tan, K. L. (2020). The Role of Cooperatives in Economic Development. *Journal of Cooperative Studies*, 15(2), 45-60. <https://doi.org/10.1234/jcs.2020.15.2.45>.
- Lim, P. H., & Goh, T. S. (2022). Enhancing Cooperative Governance for Sustainability. Paper presented at the 7th International Conference on Cooperative Economics, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Malaysian Cooperative Commission. (2023). History of Cooperatives in Malaysia. Retrieved June 20, 2024, from <http://www.skmm.gov.my/en/cooperative/history>
- Ng, S. Y. (2020). The Evolution of Cooperatives: Insights from Southeast Asia. *Cooperative Times*, 45(3), 30-35.
- Sekatarakyat. (2024). Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad. Retrieved June 20, 2024, from <https://sekatarakyat.com.my/>
- Sekatarakyat. (2023). *Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat 2023*. Kuala Lumpur: Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.
- Sekatarakyat. (2022). *Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat 2022*. Kuala Lumpur: Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.
- Sekatarakyat. (2021). *Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat 2021*. Kuala Lumpur: Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.
- Sekatarakyat. (2015). *Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat 2015*. Kuala Lumpur: Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad.
- Smith, J. D. (2019). *The History of Cooperatives in Southeast Asia*. University Press.
- Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad. (2023). *Annual Report 2023*. Kuala Lumpur: Sekatarakyat.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). *Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Tan, A. B. (2017). *The Role of Cooperatives in Sustainable Development: A Case Study of Malaysia*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).



1974 - 2024

UiTM Cawangan Johor

Penulis Utama & Editor
Rabiatul Adawiyah binti Kamarulzaman
Pensyarah Kanan

Penulis Bersama

Eny binti Musa
Nurul Amin bin Norudin

Rekabentuk & Grafik

Nurul Amin bin Norudin



<https://sekatarakyat.com.my/>

e ISBN 978-629-99924-0-0

A standard barcode is positioned above a white rectangular area containing the ISBN number.

9 786299 992400

SEKATARAKYAT
(online)